

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
2021

**HARI ISNIN : 20 DISEMBER 2021**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK HJ BASHIR BIN HJ ALIAS**  
**TARIKH : 20 DISEMBER 2021**

**Datuk Hj. Bashir bin Hj. Alias** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan apakah perancangan pihak Kementerian bagi memperkasakan jaminan tahap sekuriti makanan di Labuan agar bekalan makanan mencukupi selain mengurangkan kadar kebergantungan kepada import makanan dapat diturunkan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) sentiasa komited dalam memastikan kelangsungan bekalan makanan yang cukup, selamat, bernutrisi dan mampu beli secara berterusan kepada rakyat dengan mengambil kira senario di semua lokaliti, termasuk Wilayah Persekutuan Labuan.

Secara umumnya, pengeluaran makanan di Labuan masih belum dapat menampung permintaan tempatan, disebabkan oleh pengusahaan berskala kecil berikutan kekangan seperti tanah yang terhad dan kekurangan tenaga buruh. Dalam hal ini, MAFI telah dan bakal melaksanakan beberapa inisiatif yang menumpukan kepada pemerksaan pengeluar makanan untuk merancakkan lagi aktiviti pengeluaran makanan di Labuan, antaranya:

- (i) Program Rezeki Ternakan Ruminan dan Unggas yang menawarkan pakej bantuan kepada penternak kecil bagi perolehan ternakan, makanan ternakan dan input peralatan ladang melibatkan peruntukan sebanyak RM30 juta. Seramai enam (6) orang penternak kambing/bebiri dan 17 orang penternak ayam kampung dari Labuan telah menerima manfaat daripada program ini dengan nilai bantuan berjumlah RM320 ribu pada tahun 2021;

## NO SOALAN: 14

- (ii) Geran Agroprenur Muda yang menawarkan sumbangan berbentuk barangan (*in-kind contribution*) dengan had sebanyak RM20 ribu kepada belia yang berminat untuk menceburi bidang pertanian. Sehingga kini, seorang penternak itik di Labuan telah menerima bantuan melalui program ini;
- (iii) Insentif Galakan Pembangunan Pertanian untuk meningkatkan pengeluaran sayuran jenis daun dan buah untuk memenuhi keperluan 100,000 penduduk Labuan di samping menggalakkan pembukaan kawasan pertanian yang baharu di Labuan adalah seperti berikut:
  - i. Projek Pembangunan Tanaman Buah-Buahan Jangka Panjang: RM45,000
  - ii. Projek Pembangunan Tanaman Buah-Buahan Jangka Pendek: RM 30,000
  - iii. Projek Pembangunan Tanaman Sayuran: RM 210,000
- (iv) pemeraksanaan usaha untuk membangunkan tanah terbiar di Labuan dengan menggunakan teknologi pertanian moden seperti Fertigasi, *Nutrient Film Technique* (NFT), Hidroponik dan Kilang Tanaman (*Plant Factory*) bagi meningkatkan pengeluaran tempatan; dan
- (v) Program Pertanian Bandar berkonsep “ Tanam Apa Yang Kita Makan Dan Makan Apa Yang Kita Tanam” untuk keseluruhan kategori yang dikhususkan dalam pertanian Bandar iaitu Kategori Komuniti, Institusi, Individu dan Sekolah serta memperluas lagi penerokaan kebun komuniti yang baharu di Labuan.

## NO SOALAN: 14

Di samping itu, MAFI juga sedang meneliti cadangan untuk mewujudkan kawasan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) seluas 40 hektar untuk sayuran jenis daun dan buah dengan kerjasama pelbagai pihak termasuk pihak berkuasa tempatan iaitu Perbadanan Labuan bagi mengimbangi kebergantungan sumber makanan luar.

Pada masa yang sama, usaha untuk mengekalkan sumbangan sub-sektor perikanan yang mendominasi sumbangan hampir 86% daripada keseluruhan sumbangan sektor pertanian di Labuan akan dilaksanakan dengan:

- (i) meningkatkan pengeluaran akuakultur melalui pelaksanaan Program Dana Jaminan Makanan (Pengembangan dan Akuakultur) dengan jangkaan pengeluaran bagi sektor akuakultur sebanyak tiga (3) tan metrik bagi tahun 2021 dan jumlah ini dijangka akan meningkat sehingga empat (4) tan metrik bagi tahun 2022;
- (ii) menggalakkan penyertaan lebih ramai peserta dalam industri perikanan laut dalam dan tuna melalui Program Peningkatan dan Pengeluaran Permit dan Lesen Baharu Vesel C2. Sebanyak 20 permit C2 jongkong Tuna dijangka akan dikeluarkan pada tahun 2022 dan menyumbang kepada peningkatan pendaratan tuna *oceanic @ yellow fin* kepada 1000 tan metrik bagi tahun 2022 berbanding 380 tan metrik sepanjang tahun 2021;
- (iii) mengeluarkan 127 lesen baharu sampan khas 2021 yang dijangka akan meningkatkan pendaratan tahunan sebanyak 20%.

## **NO SOALAN: 14**

MAFI yakin usaha-usaha yang sedang dan bakal dilaksanakan ini akan dapat menyumbang kepada pemeraksanaan jaminan tahap sekuriti makanan secara setempat di Labuan selain mengurangkan kadar kebergantungan kepada sumber makanan luar mahupun import makanan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2021, DEWAN NEGARA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK MOHD HISAMUDIN BIN**  
**YAHAYA**  
**TARIKH : 20 DISEMBER 2021**

**Datuk Mohd Hisamudin Bin Yahaya** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan adakah Kementerian Wilayah Persekutuan merancang untuk mewujudkan pengurusan bekalan air sendiri kerana kita tidak boleh bergantung penuh kepada Air Selangor yang sering mengalami masalah gangguan bekalan air.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Wilayah Persekutuan (WP) mempunyai sumber air permukaan seperti lembangan sungai, tasik dan empangan. Di WP Kuala Lumpur dan WP Putrajaya, terdapat 3 lembangan sungai utama rentas negeri (*interstate river*) iaitu Sungai Klang, Sungai Buloh dan Sungai Langat yang meliputi juga 2 negeri bersebelahan, iaitu Selangor dan Negeri Sembilan. Di samping itu, terdapat 1 tasik/empangan di WP Putrajaya. Manakala di WP Labuan pula terdapat 3 empangan.

Kementerian Wilayah Persekutuan telah mendapat **persetujuan dasar daripada Jemaah Menteri pada 14 Julai 2021** untuk merancang dan **menggubal Rang Undang-Undang bagi menubuhkan sebuah badan kawal selia air** hanya bagi menguruskan sumber air di **Wilayah Persekutuan seperti mana diterangkan sebelum ini**.

Buat masa ini, bidang kuasa perbekalan air berada di bawah Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan Kementerian ini tidak bercadang untuk mengambil alih fungsi SPAN tersebut. Selain itu, buat masa ini juga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya masih lagi terikat dengan perjanjian Konsesi Air Selangor sehingga 2034. Kementerian ini juga percaya bahawa isu-isu yang timbul berkaitan bekalan air ini setakat ini telah dapat diselesaikan dengan jayanya oleh Lembaga Urus Air Selangor (LUAS).

**NO SOALAN: 17**

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN BALASUBRAMANIAM A/L**  
**NACIAPPAN**  
**TARIKH : 20 DISEMBER 2021**

**Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan** minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan bagaimanakah Kerajaan menguruskan aduan-aduan berkaitan kerosakan jalan, berapa peratuskah aduan tersebut diselesaikan dan adakah terdapat prosedur tertentu dalam melaporkan aduan-aduan tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, Kementerian Kerja Raya (KKR) mempunyai 13 saluran aduan untuk membolehkan orang awam menyalurkan aduan terus kepada pihak Kementerian dan Agensi. Setiap aduan yang diterima akan disaring dan disalurkan kepada Agensi yang terlibat untuk siasatan dan tindakan.

Melalui 13 saluran aduan tersebut, semua aduan dikumpul dan diselaraskan oleh pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) untuk tindakan selanjutnya. Setiap aduan yang dibuat oleh pengadu perlu mengandungi maklumat yang mencukupi termasuk maklumat peribadi pengadu iaitu nama, alamat dan nombor telefon untuk dihubungi bagi membolehkan pihak JKR melaporkan perkembangan siasatan tentang aduan tersebut. Pihak JKR boleh merahsiakan butir-butir peribadi ini jika diminta oleh pengadu. Pihak pengadu juga hendaklah memberikan maklumat yang terperinci berkenaan lokasi aduan bagi tujuan mengenal pasti lokasi aduan dalam usaha untuk memastikan tindakan segera ke atas aduan dibuat.

Selanjutnya, berdasarkan Laporan Analisa Aduan Penyenggaraan Jalan Persekutuan Tahun 2021 sehingga Oktober 2021, sebanyak 845 bilangan aduan diterima dan telah didaftarkan. Daripada jumlah aduan tersebut sebanyak 388 aduan yang didaftarkan merupakan aduan berkaitan kerosakan jalan. Sehingga kini, sebanyak 368 ( 94.8%) aduan kerosakan jalan telah berjaya diselesaikan.

Bagi mengatasi aduan berkaitan jalan berlubang (*pothole*), Kementerian ini telah mengaktifkan program Aku Janji Sifar Lubang peringkat Kebangsaan bersama pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) dan syarikat - syarikat Konsesi Jalan Persekutuan. Di bawah program ini, kerja tampalan lubang perlu dilaksanakan dalam tempoh 24 jam setelah aduan diterima. Kerja penampalan lubang ini merupakan langkah awal pencegahan atau *preventive* bagi tujuan keselamatan pengguna jalan raya sebelum kerja - kerja turapan kekal dilaksanakan. Di samping itu, syarikat konsesi yang dilantik melalui perjanjian penswastaan di bawah skop Kerja Penyenggaraan Rutin perlu melakukan rondaan Pemeriksaan Rutin jalan persekutuan dengan kekerapan 2 kali seminggu.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, jangka hayat turapan jalan adalah antara 5 hingga 7 tahun. Walau bagaimanapun faktor kenderaan berat yang melebihi had muatan dibenarkan juga akan mempengaruhi dan mengurangkan tempoh jangka hayat sesebuah jalan tersebut. Apabila sesebuah jalan telah mencapai tempoh jangka hayat tertentu, jalan tersebut perlu disenggara di bawah program penyenggaraan berkala pavemen di mana jalan tersebut akan diturap baharu berdasarkan analisa dan kaedah yang bersesuaian.

Sehubungan dengan itu, Kementerian ini melalui Jabatan Kerja Raya (JKR) komited dalam memastikan semua Jalan Persekutuan sentiasa dalam keadaan yang selamat dan selesa dengan melaksanakan kerja-kerja penyenggaraan sepanjang tahun berdasarkan peruntukan yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' ARMAN AZHA BIN ABU**  
**HANIFAH**  
**TARIKH : 20 DISEMBER 2021**

**Dato' Arman Azha bin Abu Hanifah** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bagaimanakah Kementerian menilai pelaksanaan Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) yang menyokong Pelan Pemulihan Negara ini sebagai satu mekanisme terbaik untuk membawa negara keluar dari pandemik COVID-19 ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) diperkenalkan oleh Kerajaan bagi menyokong Pelan *Exit Strategy* dan Pelan Pemulihan Negara sebagai peralihan daripada fasa pandemik ke fasa endemik.
2. ANMS merupakan tawaran baharu (*new deal*) bermatlamat menjadikan rakyat Malaysia Sihat Sejahtera melalui pembudayaan hidup sihat dan kelestarian persekitaran yang menyokong kesejahteraan kesihatan. ANMS telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 11 November 2021 dan dilaksanakan melalui empat (4) fasa selama 10 tahun iaitu mulai 2021 sehingga 2030.
3. ANMS menggunakan pendekatan *Whole of Nation* iaitu penglibatan agensi kerajaan, swasta dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) serta rakyat bagi memastikan pelaksanaannya adalah secara menyeluruh.
4. Menerusi ANMS, pemerksaan komuniti diberikan keutamaan seperti mengamalkan norma baharu, mematuhi SOP serta mengambil tindakan untuk kawalan kesihatan sendiri seperti mengamalkan **TRIIS** (*Test, Report, Isolate, Inform and Seek*), menjalani ujian sendiri dan kuarantin diri jika bergejala atau menjadi kontak rapat kepada kes positif untuk mengelak jangkitan dan penularan COVID-19.

5. Rakyat juga disaran untuk mengambil tindakan berterusan melindungi diri, keluarga dan komuniti dalam penjagaan kesihatan menerusi pengambilan vaksin dan pembudayaan hidup sihat dengan melakukan aktiviti fizikal, makan secara sihat dan selamat serta menjaga kesihatan mental untuk mengukuhkan sistem imun badan atau daya ketahanan badan melawan penyakit.
  
6. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan memantau pelaksanaan inisiatif ANMS yang menyokong Pelan Pemulihan Negara melalui pelbagai kaedah di semua peringkat pelaksanaan. Tinjauan dan kajian berkaitan pembudayaan amalan norma baharu dan kepatuhan SOP Keluarga Malaysia dilaksanakan secara berkala bagi memantau keberkesanan dan keberhasilan inisiatif ANMS yang dilaksanakan untuk kesediaan Keluarga Malaysia keluar daripada Pandemik COVID-19. Selain itu, tinjauan yang dilaksanakan juga dijadikan sebagai penanda aras dan dapatan digunakan untuk menambahbaik strategi yang digunakan dalam memberi kesedaran kepada Keluarga Malaysia dalam kawalan kesihatan sendiri daripada jangkitan virus COVID-19.
  
7. Hasil tinjauan yang dilaksanakan terhadap 60,818 responden bermula 5 hingga 11 Oktober 2021 mendapati kefahaman Keluarga Malaysia mengenai hidup bersama-sama COVID-19 adalah tinggi iaitu sebanyak **95% responden**. Persepsi kepentingan untuk terus mengambil langkah pencegahan dalam fasa endemik juga adalah tinggi iaitu:
  - (i) 97.8% responden mengamalkan budaya hidup sihat bagi mengukuhkan sistem imun badan melawan penyakit;

- (ii) 96% responden kuarantin diri di rumah jika disahkan positif atau kontak rapat kes positif COVID-19;
  - (iii) 95.01% responden melakukan ujian sendiri jika mempunyai gejala COVID-19; dan
  - (iv) 95% responden terus mengamalkan amalan norma baharu, kawalan sendiri dan patuhi SOP.
8. Selain itu, KKM akan membangunkan Indeks Budaya Hidup Sihat dan Literasi Kesihatan sebagai instrument pengukur keberhasilan ANMS dalam pembudayaan hidup sihat dan literasi kesihatan. Dapatan tinjauan sedia ada seperti Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS), Kajian Indeks Budaya Sukan dan Belia Negara, Indeks Kebahagiaan dan Indeks Kesejahteraan Negara turut dijadikan kepada sumber data kepada pencapaian keberhasilan ANMS. Penilaian ANMS keseluruhan akan dilaksanakan mengikut fasa ANMS. Setiap fasa akan dilaksanakan penilaian pelaksanaan dan keberhasilan objektif ANMS.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN HAJI AZIZ BIN ARIFFIN**  
**TARIKH : 20 DISEMBER 2021**

**Tuan Haji Aziz Bin Ariffin** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mengenakan tindakan undang-undang yang lebih keras terhadap individu atau kumpulan yang dengan sengaja mempersenda Yang di-Pertuan Agong dan agama Islam serta agama yang lain yang semakin menjadi-jadi yang mampu menggugat keharmonian hidup pelbagai kaum di negara kita.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui penguatkuasaan pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) sentiasa komited dalam mendukung hak kebebasan bersuara, selagi mana mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan. Walau bagaimanapun, PDRM akan mengambil tindakan tegas dengan melakukan tangkapan dan pendakwaan terhadap mana-mana individu yang melakukan kesalahan menghina, mempersenda atau memainkan isu-isu Institusi Diraja, agama atau perkauman berdasarkan peruntukan undang-undang sedia ada seperti Akta Hasutan 1948, Kanun Keseksaan dan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

Ketika ini, Kementerian Dalam Negeri berpandangan bahawa undang-undang sedia ada adalah memadai dan berlandaskan peraturan yang betul dalam menyedarkan pesalah-pesalah yang melakukan kesalahan-kesalahan seperti ini dan sebagai satu bentuk *deterrent* kepada rakyat Malaysia supaya tidak mempersendakan isu sensitif seperti Institusi Diraja, agama atau perkauman. Walau bagaimanapun, Kementerian Dalam Negeri dari semasa ke semasa sentiasa mengkaji perundangan tersebut untuk ditambah baik.

**NO SOALAN: 20**

Selain itu, pihak polis juga akan terus melakukan pemantauan ke atas penyebaran maklumat dan tindakan segera akan diambil sekiranya terdapat elemen yang melibatkan sensitiviti Institusi Diraja, agama atau perkauman. Ini kerana, isu-isu sensitif tersebut boleh menjejaskan ketenteraman dan keharmonian rakyat jika tidak dibendung.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' JUHANIS BINTI ABD AZIZ**  
**TARIKH : 20 DISEMBER 2021**

**Dato' Juhanis binti Abd Aziz** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perancangan Kerajaan berkenaan urusan haji dan apakah kaedah yang dilaksanakan Tabung Haji untuk memastikan giliran bakal haji yang tertanggung dapat diuruskan dengan adil dan memuaskan.

**JAWAPAN**

**YB SENATOR TUAN HAJI IDRIS BIN HAJI AHMAD,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Kerajaan Malaysia akan membuat keputusan mengenai penghantaran jemaah haji bagi musim haji 1443H/2022M dengan mengambil kira keadaan semasa dan sebarang keputusan Kerajaan Arab Saudi mengenai kuota rasmi negara dan kriteria pemilihan.
2. Tertakluk kepada jumlah kuota haji Malaysia 1443H/2022M yang akan diluluskan oleh Kerajaan Arab Saudi, pihak Lembaga Tabung Haji (**TH**) akan memberi keutamaan kepada mereka yang giliran asal tunai haji pada tahun 1441H/2020 dan 1442H/2021 untuk dipertimbangkan bagi musim haji 1443H/2022 nanti. **TH** masih berpegang kepada sistem penggiliran, yang dahulu didahulukan supaya adil dan saksama kepada semua bakal haji yang sedang menunggu. Untuk makluman, kriteria pemilihan termasuk had umur dan tahap kesihatan untuk 1443H/2022 masih belum diputuskan dan tertakluk kepada peraturan Kerajaan Arab Saudi.
3. Bagi pendeposit yang membuat rayuan untuk menunaikan haji pada tahun ini, iaitu 1442H/2021, mereka perlu mengemukakan rayuan yang baru bagi musim haji 1443H/2022 untuk pertimbangan **TH**.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB TUAN AKNAN EHTOOK  
TARIKH : 20 DISEMBER 2021**

**Tuan Aknan Ehtook** minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan keluasan ladang sawit milik GLC yang telah ditanam di teres yang sesuai untuk tujuan mekanisasi dan komitmen daripada para GLC berkenaan untuk meningkatkan kadar mekanisasi di ladang sawit masing-masing.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Usaha-usaha untuk meningkatkan penggunaan mekanisasi dan automasi sentiasa dipergiatkan oleh Kerajaan bagi meningkatkan produktiviti pekerja dan produktiviti industri sawit Malaysia secara menyeluruh. Dalam usaha untuk menarik minat pemain industri bagi menceburi penggunaan mekanisasi, penglibatan syarikat-syarikat GLC adalah amat penting. Kejayaan dalam penggunaan mekanisasi dan automasi oleh syarikat-syarikat GLC ini menjadi pembuka mata kepada syarikat-syarikat perladangan yang lain untuk turut sama mengadaptasi penggunaan mekanisasi dan automasi bagi pelbagai aktiviti perladangan.

Sehingga kini, jumlah keluasan ladang sawit milik GLC adalah dianggarkan sebanyak 1.4 juta hektar. Kawasan ini terdiri daripada pelbagai jenis topografi sama ada rata, beralun atau berbukit. Secara asasnya, penggunaan jentera bagi aktiviti ladang boleh dilaksanakan walaupun terdapat kepelbagaian topografi. Perkara yang lebih penting adalah teknologi yang direka bentuk perlu bersesuaian dengan topografi tersebut.

## NO SOALAN: 22

Bagi menggalakkan penggunaan mekanisasi dan automasi di sektor perladangan sawit, Kerajaan telah memperkenalkan Skim Geran Mekanisasi (OPIMIS) semenjak tahun 2016 sehingga 2020. Berdasarkan data skim tersebut, pembelian jentera atau peralatan ladang daripada syarikat GLC atau koperasi di bawah GLC atau anak syarikat di bawah GLC adalah sebanyak 710 unit dengan nilai insentif yang disalurkan sebanyak RM1.9 juta.

Didapati jenis jentera yang paling banyak dibeli (384 unit) adalah kenderaan utiliti seperti jentera 3-roda dan kereta sorong berkuasa seperti jenama Landsurf atau Agrobarrow. Selain itu, pembelian jentera atau peralatan ladang yang lain adalah seperti Cantas sebanyak 221 unit, jentera khusus untuk penyemburan racun sebanyak 98 unit dan juga perkakasan ladang seperti penabur baja mekanikal dan lengan grabber sebanyak 7 unit.

GLC telah mula membuat pembelian jentera serta peralatan mekanisasi dalam jumlah yang tinggi berdasarkan data permohonan skim insentif jentera (OPIMIS) dari tahun 2016 hingga 2020. Perolehan jentera tersebut digunakan untuk meningkatkan amalan mekanisasi di ladang sawit.

Sehingga kini, teknologi yang ada dipasaran belum dapat memberi daya saing yang tinggi untuk mengurungkan kebergantungan kepada buruh asing. Sehubungan itu, Konsortium Penyelidikan Mekanisasi dan Automasi Sawit (MARCOP) ditubuhkan untuk tujuan pembangunan, penyelidikan dan pengkomersialan jentera dan teknologi mekanisasi dan automasi sawit bagi perkembangan industri sawit negara.

## **NO SOALAN: 22**

Kerajaan menyediakan geran padanan sebanyak RM30 juta melalui MARCOP. Selain daripada itu, MARCOP turut ditampung melalui kutipan ses sebanyak RM30 juta, iaitu sumbangan oleh pemain industri sawit termasuk syarikat-syarikat GLC. GLC sebagai salah satu pemain industri telah menunjukkan komitmen melalui penglibatan sebagai Pengerusi dan ahli jawatankuasa MARCOP. Pembabitan GLC di dalam pelaksanaan MARCOP diharap dapat meningkatkan produktiviti dan merancakkan lagi industri sawit negara.

Sebagai tambahan, GLC seperti FELDA, FELCRA, Boustead dan sebagainya telah menjalankan usaha mempromosikan amalan mekanisasi dengan penganjuran kursus atau acara tertentu untuk menarik minat belia tempatan bekerja di sektor perladangan. Aktiviti tersebut juga telah dicontohi oleh syarikat perladangan swasta untuk menarik minat warga tempatan bekerja di ladang sawit.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATO ZAIEDI HAJI SUHAILI  
TARIKH : 20 DISEMBER 2021

**Dato Zaiedi Haji Suhaili** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah "*right-sizing*" pegawai-pegawai perubatan di seluruh hospital/klinik Kerajaan dan bagaimana Kerajaan memastikan nisbah mereka dengan unjuran pesakit benar-benar memberi kesan kepada kecekapan masa dan tempoh pesakit mendapat layanan dan rawatan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah membuat unjuran keperluan doktor di dalam negara yang disediakan mengikut Rancangan Malaysia Lima Tahun. Sebagai contoh, dalam Rancangan Malaysia ke-12, sasaran nisbah doktor kepada penduduk ialah 1:400 pada tahun 2025 berbanding 1:450 dalam Rancangan Malaysia ke-11.
2. KKM sentiasa berusaha memastikan tahap akses perkhidmatan bagi penduduk untuk mendapatkan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti dan selamat.
3. Bagi menentukan keperluan (*right-sizing*) Pegawai Perubatan termasuk Pakar di fasiliti KKM, urusan ini dibuat berdasarkan Norma Keperluan Sumber Manusia Untuk Kesihatan (SMuK) bagi fasiliti KKM. Penetapan norma ini bagi fasiliti KKM adalah berdasarkan kepada perkara/parameter berikut:
  - (i) jumlah penduduk dan jumlah kedatangan pesakit;
  - (ii) kategori fasiliti KKM seperti Hospital Negeri, Hospital Pakar Major, Hospital Pakar Minor, Hospital Tanpa Pakar, Institusi Perubatan Khas dan Klinik Kesihatan;

**NO SOALAN: 23**

- (iii) skop perkhidmatan yang disediakan bagi fasiliti tersebut (seperti bidang kepakaran dan sub-kepakaran yang ada di sesebuah fasiliti);
  - (iv) *level of care* (dengan izin) - *primary, secondary, tertiary dan long term care*; dan
  - (v) beban penyakit.
4. Sebagai makluman Ahli Yang Berhormat, keperluan perjawatan di setiap fasiliti kesihatan KKM sentiasa diteliti dan ditambah baik bagi memastikan rakyat mendapat perkhidmatan kesihatan yang terbaik.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB PUAN FADHLINA BINTI DATO' SIDEK**  
**TARIKH : 20 DISEMBER 2021**

**Puan Fadhlina binti Dato' Sidek** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan keberkesanan penubuhan Mahkamah Syariah Khas khusus untuk kes Hadhanah (penjagaan anak) dan nafkah anak di Mahkamah Syariah di Wilayah-wilayah Persekutuan.

**JAWAPAN**

**YB SENATOR TUAN HAJI IDRIS BIN HAJI AHMAD,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Mahkamah Khas Hadhanah dan Nafkah telah dicadangkan penubuhannya di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan (MSWP) merupakan satu langkah proaktif ke arah mempertingkatkan peranan Mahkamah Syariah dan kecekapannya dalam memberikan perkhidmatan kepada masyarakat.
2. Pelaksanaan Dewan Mahkamah Rendah Syariah (Nafkah) telah dibuat pengisian perjawatan dan telah beroperasi sejak 1 September 2019 manakalah pelaksanaan Dewan Mahkamah Tinggi Syariah (Hadhanah) hanya dibuat pengisian perjawatan dan mula beroperasi pada 1 November 2021. Berdasarkan kepada statistik yang dilampirkan, keberkesanan Mahkamah Rendah Syariah (Nafkah) dapat dilihat berdasarkan peratus penyelesaian kes yang tinggi iaitu sebanyak 96.4% dalam tempoh enam bulan daripada kes didaftarkan.

**STATISTIK KES MRS (BAHAGIAN NAFKAH) DI MAHKAMAH SYARIAH WILAYAH PERSEKUTUAN  
BERMULA 1 SEPTEMBER 2019 SEHINGGA 22 NOVEMBER 2021**

TAHUN	DAFTAR	SELESAI	DALAM PROSIDING	90% PENYELESAIAN DALAM TEMPOH 6 BULAN	
				PATUH	TIDAK PATUH
1 September 2019 – 31 Disember 2019	101	101	0	100 (99%)	1 (1%)
1 Januari 2020 – 31 Disember 2020	289	262	27	246 (93.9%)	16 (6.1%)
1 Januari 2021 – 22 November 2021	208	113	95	113 (100%)	0 (0%)
<b>JUMLAH</b>	<b>598</b>	<b>476</b>	<b>122</b>	<b>459 (96.4%)</b>	<b>17 (3.6%)</b>

Manakala setakat 23 November 2021, sebanyak 38 kes telah didaftarkan di Mahkamah Tinggi Syariah (Hadhanah) dan keberkesanan mahkamah ini belum lagi dapat dinilai buat masa ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' HAJI JEFRIDIN BIN HAJI**  
**ATAN**  
**TARIKH : 20 DISEMBER 2021**

**Dato' Haji Jefridin Bin Haji Atan** minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai cadangan untuk mewujudkan sistem hebahan berita melalui sistem pesanan ringkas (SMS) atau mesej "alert" bagi menghebahkan makluman berkenaan bencana alam atau perubahan cuaca seperti yang dilaksanakan di negara-negara maju

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Agensi Pengurusan Bencana Negara, Jabatan Perdana Menteri (NADMA, JPM) telah bekerjasama dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) serta syarikat telekomunikasi (telco) utama negara sejak 2018 dalam pembangunan sistem hebahan amaran awal banjir kepada rakyat. Kos SMS ini ditanggung sepenuhnya oleh syarikat telekomunikasi kerana ia dilaksanakan atas dasar tanggungjawab sosial korporat (CSR).

2. Penyampaian amaran banjir melalui khidmat sistem pesanan ringkas (SMS) kepada penduduk di kawasan berisiko banjir dengan kerjasama JPS melalui Pusat Ramalan dan Amaran Banjir Negara (PRABN) telah mula dilaksanakan di negeri-negeri pantai timur sejak tahun 2019 dan akan diperluaskan kepada negeri-negeri lain berdasarkan ketersediaan PRABN.

3. MET Malaysia juga telah mewujudkan sistem hebahan maklumat melalui sistem pesanan ringkas (SMS) atau mesej "*alert*" bagi menyalurkan amaran cuaca dan makluman gempa serta tsunami sejak tahun 2005. Penerima-penerima SMS MET Malaysia melibatkan organisasi pengurusan bencana di peringkat pusat, negeri dan daerah termasuk Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) dan Pihak Berkuasa Tempatan. Maklumat-maklumat bencana ini juga disalurkan

ke semua media elektronik, cetak dan media sosial rasmi MET Malaysia untuk hebahan kepada orang awam.

4. Seiring dengan perkembangan semasa agar penyampaian perkhidmatan dapat memenuhi kehendak rakyat, MET Malaysia juga telah membangunkan aplikasi myCuaca yang dapat memberikan maklumat cuaca dan gempa bumi untuk diakses pada bila-bila masa oleh orang ramai. MET Malaysia turut melaksanakan RakanMET iaitu medium interaksi dua hala antara MET Malaysia dan orang awam bagi perkongsian maklumat sahih mengenai perkembangan cuaca semasa di Negara.

5. Di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12), MET Malaysia juga sedang menambah baik sistem penyampaian maklumat bencana berkaitan cuaca, gempa bumi dan tsunami yang mesra pengguna dan secara waktu nyata (*real time*) sejajar dengan perubahan teknologi terkini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' WIRA OTHMAN BIN AZIZ**  
**TARIKH : 20 DISEMBER 2021**

**Dato' Wira Othman bin Aziz** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini berkaitan kebenaran menunaikan haji dan umrah oleh rakyat Malaysia. Apakah syarat tambahan yang perlu ada bagi membolehkan rakyat melaksanakan urusan tersebut.

**JAWAPAN**

**YB SENATOR TUAN HAJI IDRIS BIN HAJI AHMAD,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Untuk makluman, Lembaga Tabung Haji (**TH**) masih menunggu keputusan rasmi daripada Kerajaan Arab Saudi mengenai status ibadat haji dan kuota jemaah haji Malaysia untuk musim 1443H/2022M.
2. Sementara itu, **TH** telah pun memulakan persediaan sebaik sahaja tamat musim haji pada tahun ini. Perancangan utama **TH** adalah pemilihan bakal haji di mana ianya tertakluk kepada kuota rasmi negara Malaysia dan lain-lain kriteria pemilihan yang akan diumumkan oleh Kerajaan Arab Saudi kelak.
3. Berdasarkan pengalaman peraturan semasa Kerajaan Arab Saudi membenarkan ibadat umrah, antara syarat yang perlu dipatuhi adalah seperti berikut:-
  - (i) lengkap mengambil vaksin Covid-19;
  - (ii) berumur 18 tahun ke atas;
  - (iii) keputusan ujian PCR negative sebelum berangkat ke Tanah Suci; dan

- (iv) memuat turun aplikasi yang berkaitan di Arab Saudi termasuk Tawakalna dan Eatmarna.
4. Peraturan terperinci berkaitan urusan haji musim haji 1443H/2022 hanya akan diketahui apabila diumumkan oleh Kerajaan Arab Saudi kelak. Selain itu, pelaksanaan kursus haji, persediaan penerbangan, penginapan, sajian, kemudahan rawatan perubatan sedang dirancang dan dibuat persiapan sebaik mungkin.
5. Bagi rakyat Malaysia yang ingin mengerjakan umrah, perlu melengkapkan dua dos vaksin serta berumur 18 tahun ke atas. Jemaah umrah perlu mematuhi SOP yang diamalkan di Arab Saudi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO'JUANIS BINTI ABD AZIZ**  
**TARIKH : 20 DISEMBER 2021**

**Dato' Juhanis binti Abd Aziz** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan peratusan mahasiswa dari keluarga B40 yang mendapat peluang menyambung pelajaran ke universiti di luar negara sejak awal tahun 2021.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Merujuk kepada data sehingga 6 Disember 2021 yang diperolehi daripada pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Majlis Amanah Rakyat (MARA), jumlah mahasiswa dari keluarga B40 yang mendapat peluang menyambung pelajaran ke universiti di luar negara sejak awal tahun 2021 di bawah tajaan atau biasiswa JPA dan MARA adalah seperti berikut:

<b>TAJAJAN/BIASISWA</b>	<b>JUMLAH</b>
Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)	409 orang*
Majlis Amanah Rakyat (MARA)	1,255 orang**
<b>JUMLAH</b>	<b>1,664 orang</b>

*Nota: \* Sehingga 30 November 2021*

*\*\*Sehingga 6 Disember 2021*

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **YB DATUK HAJI BASHIR BIN HAJI**  
**ALIAS**  
**TARIKH** : **20 DISEMBER 2021**

**Datuk Haji. Bashir Bin Haji Alias** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan berapakah secara terperinci hasil yang diterima 4 agensi utama di Wilayah Persekutuan berbanding dengan perbelanjaan mengurus tahunan dalam tempoh 5 tahun kebelakangan dan berapakah geran peruntukan Persekutuan yang disalurkan kepada setiap agensi.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Tiga (3) Agensi utama dibawah Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) yang memberikan pulangan hasil kepada negara adalah merupakan Pihak Berkuasa Tempatan seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Perbadanan Putrajaya (PPj) dan Perbadanan Labuan (PL). Manakala Majlis Sukan Wilayah Persekutuan dan Perbadanan Kampung Bharu adalah dua Agensi dibawah KWP yang tidak menjalankan sebarang aktiviti kutipan hasil.

Berikut adalah ringkasan terimaan hasil yang diperolehi oleh 3 Agensi terbabit:

**1. Bagi DBKL;**

- i. Hasil yang diterima pada tahun 2016 adalah RM2.93 bilion berbanding RM28 juta geran peruntukan Persekutuan yang disalurkan.
- ii. Hasil yang diterima pada tahun 2017 adalah RM2.96 bilion berbanding RM9 juta geran peruntukan Persekutuan yang disalurkan.
- iii. Hasil yang diterima pada tahun 2018 adalah RM3.69 bilion berbanding RM4 juta geran peruntukan Persekutuan yang disalurkan.
- iv. Hasil yang diterima pada tahun 2019 adalah RM2.93 bilion berbanding tiada geran peruntukan Persekutuan yang

disalurkan.

2. Bagi PPj;

i. Hasil yang diterima pada tahun 2016 adalah RM185 juta berbanding RM158.4 juta geran peruntukan Persekutuan yang disalurkan.

ii. Hasil yang diterima pada tahun 2017 adalah RM329 juta berbanding RM95 juta geran peruntukan Persekutuan yang disalurkan.

iii. Hasil yang diterima pada tahun 2018 adalah RM236.9 juta berbanding RM87.6 juta geran peruntukan Persekutuan yang disalurkan.

iv. Hasil yang diterima pada tahun 2019 adalah RM247.5 juta berbanding RM85 juta geran peruntukan Persekutuan yang disalurkan.

3. Manakala bagi PL pula;

i. Hasil yang diterima pada tahun 2016 adalah RM49.1 juta berbanding RM49.1 juta geran peruntukan Persekutuan yang disalurkan.

ii. Hasil yang diterima pada tahun 2017 adalah RM39.8 juta berbanding RM51 juta geran peruntukan Persekutuan yang disalurkan.

iii. Hasil yang diterima pada tahun 2018 adalah RM32.9 juta berbanding RM59.4 juta geran peruntukan Persekutuan yang disalurkan.

iv. Hasil yang diterima pada tahun 2019 adalah RM38.6 juta berbanding RM60.6 juta geran peruntukan Persekutuan yang disalurkan.

**NO SOALAN: 28**

Ringkasan Geran Peruntukan yang Disalurkan berbanding Hasil Terimaan yang diterima oleh Agensi dibawah KWP adalah seperti di lampiran.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DR. AHMAD AZAM BIN HAMZAH**  
**TARIKH : 20 DISEMBER 2020**

**Dr. Ahmad Azam bin Hamzah** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan berapa ramaiakah pekerja asing yang telah dihantar pulang ke negara asal mereka dan masuk semula dengan permit baharu.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Menurut statistik yang diperolehi Jabatan Imigresen Malaysia, Kementerian Dalam Negeri, sehingga 30 November 2021 terdapat seramai 168,436 pekerja yang telah dihantar pulang ke negara asal mereka dan seramai 1,138,370 pekerja asing Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) yang kini bekerja dalam negara kita (MyIMMs, Jabatan Imigresen Malaysia, Oktober 2021).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK RAS ADIBA BINTI**  
**MOHD RADZI**  
**TARIKH : 20 DISEMBER 2021**

**Datuk Ras Adiba binti Mohd Radzi** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah anak-anak OKU yang kehilangan ibu bapa akibat pandemik COVID-19 serta usaha yang diambil oleh Kerajaan bagi membantu anak-anak OKU yatim piatu ini.

**JAWAPAN**

**DIJAWAB OLEH YB DATUK DR. ABD LATIFF BIN AHMAD  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Yayasan Keluarga Malaysia (YKM) ditubuhkan dengan objektif utama antaranya ialah memberi atau menguruskan bantuan kewangan atau bantuan bukan kewangan untuk kebajikan dan/atau pendidikan kepada kanak-kanak/remaja yang kehilangan ibu atau bapa atau penjaga atau kedua-duanya akibat pandemik COVID-19, kemalangan dan lain-lain bencana seumpama sehingga mereka mencapai usia 18 tahun. Dalam keadaan-keadaan tertentu, YKM juga boleh memberi bantuan kebajikan dan pendidikan sehingga ke peringkat pengajian tinggi.
2. Dalam hal ini, YKM akan membantu semua kanak-kanak termasuk kanak-kanak OKU yang kehilangan ibu atau bapa atau penjaga atau kedua-duanya akibat pandemik COVID-19, kemalangan dan lain-lain bencana.
3. Pada masa ini, YKM sedang mewujudkan sistem pengurusan data dan maklumat kanak kanak/ remaja termasuk kanak-kanak OKU yang kehilangan ibu atau bapa atau penjaga atau kedua-duanya

**NO SOALAN: 30**

akibat pandemik COVID-19 dengan kerjasama agensi-agensi berkaitan seperti Kementerian Kesihatan Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia dan Kementerian Pembangunan Wanita dan Masyarakat. Pengumpulan data ini diharapkan akan dapat dijadikan sebagai pangkalan data dan sumber rujukan di masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' ISA BIN AB. HAMID**  
**TARIKH : 20 DISEMBER 2021**

**Dato' Isa bin Ab. Hamid** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan definisi Batik Malaysia yang menjadi pakaian rasmi Kerajaan pada setiap hari khamis sebagai membentuk nilai budaya bangsa dan memperkasakan industri tekstil negara kita.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) melalui Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (Kraftangan Malaysia) telah membangunkan definisi Batik Malaysia seperti berikut:

*“Batik Malaysia merupakan seni kraf hasil kerja tangan sepenuhnya atau sebahagiannya yang mempunyai motif beridentitikan seni dan budaya masyarakat Malaysia melalui proses pembuatan batik dengan menggunakan lilin batik atau bahan serta teknik halangan warna bagi menghasilkan reka corak. Proses pembuatan batik terdiri daripada empat (4) proses pembuatan utama iaitu:*

- (i) Batik Lukis (canting);*
- (ii) Batik Terap;*
- (iii) Batik Sutera Saring; dan*
- (iv) Batik Alternatif.*

2. Definisi ini telah diterima pakai hasil daripada Konsultasi Awam yang dilaksanakan melalui proses Sesi Konsultasi Awam secara dalam talian menerusi laman sesawang *Unified Public Consultation* yang dihoskan oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (*Malaysia Productivity Corporation – MPC*). Hasil konsultasi awam tersebut yang terdiri daripada orang awam, pertubuhan dan persatuan, pihak berkepentingan

dan pemain industri kraf tekstil batik memperoleh persetujuan majoriti responden.

3. Mesyuarat Jemaah Menteri pada 19 November 2021 telah bersetuju dengan penetapan Hari Batik Malaysia pada 3 Disember setiap tahun. Pengumuman ini telah dibuat oleh YAB Perdana Menteri pada 1 Disember 2021. Penetapan ini membuka peluang kepada usahawan dan komuniti kraf untuk menghasilkan produk batik yang kompetitif. Pengisian sambutan termasuk pameran, jualan, forum, demo kraf tangan, peragaan fesyen dan pertandingan berasaskan Batik Malaysia.

4. MOTAC yakin dengan promosi dan program pembangunan industri batik yang berterusan, hasil seni warisan negara ini akan kekal dipelihara, dikenali, diguna dan dimartabatkan oleh seluruh Keluarga Malaysia. Promosi juga akan terus dipertingkatkan agar batik dapat terus berkembang pesat di pasaran antarabangsa.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 32**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK JOHN AMBROSE**  
**TARIKH : 20 DISEMBER 2021**

**Datuk John Ambrose** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah usaha Kerajaan dalam menangani aktiviti dan pemikiran ekstremisme berasaskan agama.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

PDRM menerusi Cawangan Khas secara berterusan komited membuat pemantauan dan risikan dalam menangani aktiviti dan pemikiran ekstremis berasaskan agama. Selain itu, PDRM juga bekerjasama dengan pelbagai agensi yang berkaitan khususnya melibatkan agama untuk melaksanakan usaha-usaha untuk mencegah dan menangani penularan pemikiran ekstremis atau fahaman pelampau berasaskan agama yang boleh berkembang dengan menggunakan elemen keganasan.

Sebagaimana Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) pada 5 Mei 1996, telah diputuskan pandangan hukum supaya umat Islam di negara ini berpegang kepada manhaj Ahli Sunnah wal-Jamaah sama ada dari segi akidah, syariah mahupun akhlak. Dalam rangka untuk membendung penularan ajaran sesat dan menyeleweng, pihak JAKIM sentiasa memberi tumpuan kepada program-program memperkukuhkan akidah ummah melalui pembudayaan ilmu dan pentarbiahan yang komprehensif dan berkesan dengan kerjasama Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN). Beberapa pendekatan bersepadu antara JAKIM, MAIN, JAIN dan PDRM yang telah, sedang dan akan dilaksanakan untuk menangani isu ajaran sesat dan penyelewengan akidah umat Islam di Malaysia ialah:

**NO SOALAN: 32**

- (i) Bekerjasama dengan MAIN dan JAIN dalam aspek penyelidikan mengenai ajaran dan doktrin yang meragukan atau disyaki menyeleweng daripada agama Islam;
- (ii) Mengadakan pertemuan dan sesi dialog secara tertutup bersama kumpulan atau individu yang terlibat dengan ajaran yang meragukan;
- (iii) Melaksanakan kajian secara menyeluruh dalam pelbagai aspek sebelum sesuatu ajaran atau doktrin itu diberi pandangan hukum oleh Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI). Ini termasuk kajian dari sudut kesan dan implikasi apabila sesuatu pandangan hukum mengenai ajaran sesat dikeluarkan;
- (iv) Jabatan Mufti di negeri mengeluarkan fatwa mengenai ajaran terbabit mengikut peruntukan dan bidang kuasa masing-masing berpandukan kepada pandangan hukum oleh Muzakarah MKI dan perbincangan di peringkat Jawatankuasa/Muzakarah Fatwa Negeri-Negeri;
- (v) Memberi kaunseling agama kepada mereka yang terlibat bagi membantu mengembalikan akidah dan kehidupan mereka kepada kehidupan normal masyarakat; dan

## NO SOALAN: 32

- (vi) Melaksanakan pelbagai program, wacana, khutbah, penerbitan ilmiah, pengajian guru takmir di masjid-masjid, kafa, sesi pemulihan dan kerjasama bersama agensi-agensi berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua,

Ancaman dari aktiviti dan pemikiran ekstremis berasaskan agama ini bukan merujuk kepada satu-satu agama yang spesifik sahaja, tetapi boleh hadir dalam mana-mana kelompok agama dan kaum. Justeru, selain daripada usaha-usaha pemantauan, pengumpulan maklumat risikan dan penguatkuasaan yang berterusan ini, usaha mengekang ancaman aktiviti dan pemikiran ekstremis berasaskan agama ini juga perlu dimulakan secara holistik. Sekiranya tidak dibendung dari awal, fahaman pelampau ini berisiko menggunakan elemen keganasan. Maka, Kementerian Dalam Negeri telah mengorak langkah untuk membangunkan Pelan Tindakan Kebangsaan Bagi Mencegah Dan Menangani Fahaman Pelampau Keganasan (*National Action Plan to Prevent and Counter Violent Extremism*, NAPPCVE). Pelan ini dalam proses kajian dan akan dilancarkan selewat-lewatnya pada tahun hadapan. Diharapkan, melalui pelan tindakan kebangsaan ini, usaha mencegah fahaman pelampau keganasan dari meresapi minda rakyat Malaysia dapat dilakukan bermula di akar umbi. Pelan ini akan menjadikan usaha pencegahan fahaman pelampau keganasan dilaksanakan secara sistematik dan berstruktur.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO DR. NUING JELUING**  
**TARIKH : 20 DISEMBER 2020**

**Dato Dr. Nuing Jeluing** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bilangan tenaga kerja rakyat Malaysia terkini dengan gaji bulanan di bawah Ringgit Malaysia Tiga Ribu (RM3000) dan adakah pekerja menerima gaji bulanan yang kurang dari gaji minimum.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Berdasarkan Survei Gaji dan Upah yang dilaksanakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia **pada tahun 2020, bilangan penerima gaji dan upah bagi penduduk warganegara meningkat dengan perlahan sebanyak 2.1 peratus kepada 9.4 juta orang**. Pada tempoh yang sama, penengah gaji dan upah bulanan mencatatkan penurunan kepada RM2,062 berbanding RM2,442 pada tahun 2019. Nilai penengah menunjukkan 50 peratus daripada penerima gaji dan upah bulanan bagi penduduk warganegara menerima sekurang-kurangnya RM2,062 sebulan. Sementara itu bagi nilai purata gaji dan upah bulanan, turut mencatatkan penurunan pada tahun 2020 kepada RM2,933 (2019: RM3,224).

Berdasarkan penemuan survei juga didapati sebanyak **65.2 peratus daripada jumlah penerima gaji dan upah bagi penduduk warganegara menerima gaji dan upah bulanan kurang daripada RM3,000**. Bilangan ini didapati telah meningkat 3.5 mata peratus berbanding 61.7 peratus pada tahun 2019 ekoran daripada penularan pandemik COVID-19 dan pelaksanaan perintah kawalan pergerakan (PKP) sepanjang tahun 2020.

Dalam tempoh sebelum pandemik iaitu antara 2017 sehingga 2019, secara purata terdapat 14.1 peratus penduduk warganegara menerima gaji dan upah bulanan kurang daripada paras gaji minimum. **Berdasarkan statistik terkini, komposisi penerima gaji dan upah bulanan dalam kategori ini meningkat kepada 15.7 peratus pada tahun 2020.**

Bagi memastikan pelaksanaan dasar gaji minimum dipatuhi oleh semua majikan di negara ini, Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 (Akta 732) telah memberikan kuasa kepada Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia, Jabatan Tenaga Kerja Sabah dan Jabatan Tenaga Kerja Sarawak (Jabatan Tenaga Kerja) untuk menjalankan penguatkuasaan dan penyiasatan berhubung pelaksanaan gaji minimum.

Mekanisme yang digunakan oleh pihak Jabatan Tenaga Kerja bagi pemantauan dan penguatkuasaan gaji minimum yang lebih berkesan adalah seperti berikut;

- (i) pemeriksaan berkanun, yang merupakan suatu aktiviti rutin iaitu lawatan ke tempat kerja oleh pegawai-pegawai Jabatan Tenaga Kerja bagi memeriksa aspek pematuhan undang-undang buruh oleh majikan;
- (ii) pengendalian tuntutan kes buruh di Mahkamah Buruh yang difailkan berhubung kegagalan majikan membayar gaji minimum;

- (iii) penyiasatan aduan berhubung kegagalan majikan membayar gaji minimum yang difailkan oleh pekerja di Jabatan Tenaga Kerja; dan
- (iv) pendakwaan terhadap majikan-majikan yang masih berdegil untuk membayar kadar gaji minimum kepada pekerja.

Dalam tempoh 1 Januari 2021 hingga 15 November 2021, pihak Jabatan Tenaga Kerja telah menjalankan 29,961 pemeriksaan berkanun. Di dapati sebanyak **94% majikan telah mematuhi Perintah Gaji Minimum 2020** Majikan-majikan yang didapati tidak mematuhi pemakaian gaji minimum, tindakan pendakwaan boleh diambil terhadap mereka selaras dengan seksyen 43 Akta Majlis Perundingan Gaji Negara [Akta 732].

Jabatan Tenaga Kerja juga menyiasat tuntutan kes buruh yang difailkan berhubung kegagalan majikan membayar gaji minimum. Dari 1 Januari 2021 hingga 1 Januari 2021 hingga 15 November 2021, sebanyak **140 tuntutan kes buruh difailkan** oleh pekerja-pekerja yang mana **42 kes (30%)** telah diselesaikan manakala **98 kes (70%)** masih dalam tindakan Jabatan Tenaga Kerja.

Selain itu, aduan kegagalan majikan membayar gaji minimum yang difailkan oleh pekerja di Jabatan Tenaga Kerja mulai 1 Januari 2021 hingga 15 November 2021 ialah **197 aduan diterima** dan sebanyak **190 aduan (96%)** telah diselesaikan serta baki **7 kes (4%)** masih dalam tindakan Jabatan Tenaga Kerja.

## NO SOALAN: 33

Di samping itu, dari 1 Januari 2021 hingga 15 November 2021, sebanyak **791 fail pendakwaan** atas pertuduhan tidak membayar gaji minimum telah dibuka yang mana **524 kes** telah diberi izin dakwa oleh Penasihat Undang-undang Jabatan Tenaga Kerja untuk dibawa ke peringkat perbicaraan. Daripada jumlah ini, sebanyak **416 (79%) kes** pendakwaan telah selesai dibicarakan dengan denda yang telah dikenakan oleh mahkamah kepada majikan-majikan terbabit berjumlah RM1,020,350.00. Baki 108 kes masih menunggu tarikh perbicaraan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DR.WAN MARTINA BINTI WAN**  
**YUSOFF**  
**TARIKH : 20 DISEMBER 2021**

**Dr. Wan Martina Binti Wan Yusoff** minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai perancangan untuk memperkenalkan bayaran insentif bagi negeri-negeri mengekalkan hutan simpan terbanyak sebagai paru-paru negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan telah menyediakan insentif kewangan tambahan melalui instrumen *Ecological Fiscal Transfer for Biodiversity Conservation* (EFT) mulai tahun 2019 kepada Kerajaan-kerajaan Negeri untuk melaksanakan program dan projek bagi menjamin kelestarian biodiversiti mengikut 9 skop yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan.
2. Sejak diperkenalkan, sebanyak RM130 juta telah diagihkan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri melalui Pemberian Berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur dan Kesejahteraan Hidup (TAHAP). Peruntukan EFT berjumlah RM70 juta akan disediakan setiap tahun kepada negeri-negeri mulai tahun 2022 sebagai satu bentuk pemberian khusus yang diselaraskan oleh Kementerian Kewangan (MoF) di bawah Perbelanjaan Mengurus Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA).
3. Selain itu, KeTSA pada masa ini sedang membangunkan Kerangka Kewangan REDD Plus atau *REDD Plus Finance Framework* (RFF) yang merupakan satu inisiatif kewangan kepada Kerajaan Negeri bagi melaksanakan aktiviti mengekalkan dan memulihara hutan serta menjamin ekosistem hutan yang berterusan.

4. KeTSA juga telah menubuhkan sebuah Syarikat Berhad Menurut Jaminan (CLBG) iaitu Malaysia Forest Fund atau MFF yang akan melaksanakan Kerangka Kewangan REDD Plus di Malaysia. MFF turut berperanan membangunkan dan melaksanakan model operasi RFF yang efektif dan mampan, serta menjana sumber kewangan melalui transaksi pasaran karbon hutan atau *forest carbon market* bagi membiayai usaha pengekalan, pengurusan, perlindungan dan pemuliharaan hutan oleh Kerajaan-Kerajaan Negeri.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB PUAN LIM HUI YING  
TARIKH : 20 DISEMBER 2021

**Puan Lim Hui Ying** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan statistik pencarum bagi program i-Suri yang terkini dan berapakah jumlah peruntukan yang telah diluluskan oleh Kerajaan bagi program tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, setakat 15 November 2021, seramai 296,946 orang atau 83.5 peratus daripada 355,735 senarai e-Kasih telah berdaftar sebagai ahli i-Suri. Daripada jumlah ahli i-Suri tersebut, 207,314 orang atau 69.8 peratus ahli yang telah membuat caruman dengan jumlah caruman RM28.3 juta. Sehingga Jun 2021, jumlah insentif Kerajaan yang telah dikreditkan ke dalam akaun ahli adalah berjumlah RM146.1 juta.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' HAJI AHMAD BIN YAHAYA**  
**TARIKH : 20 DISEMBER 2021**

**Dato' Haji Ahmad bin Yahaya** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan rancangan Kementerian mewujudkan sebuah tribunal khas bagi menyelesaikan pertikaian serta diskriminasi yang wujud melibatkan pihak penyewa serta tuan rumah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi melindungi kepentingan serta hak pemilik kediaman dan penyewa, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sedang menjalankan kajian dan penggubalan Akta Sewaan Kediaman (*Residential Tenancy Act*, RTA) yang telah bermula sejak Jun 2019. Cadangan penggubalan Rang Undang-Undang (RUU) RTA telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 23 Jun 2021 dan telah mendapat kelulusan prinsip untuk dibentangkan dalam sesi Parlimen. Seterusnya, pihak Kementerian sedang menyemak draf awal RUU RTA dan menyediakan dokumentasi bagi prosedur konsultasi awam melalui proses *Regulatory Impact Assessment* (RIA).
2. Pada masa ini, Malaysia tidak mempunyai undang-undang khusus bagi mengawal selia sewaan rumah kediaman. Undang-undang sedia ada yang biasa dirujuk dalam menyediakan kontrak sewaan kediaman atau menyelesaikan pertikaian berkaitan sewaan kediaman adalah Kanun Tanah Negara (Disemak 2020) [Akta 828], Akta Kontrak 1950 [Akta 136], Akta Distress 1951 [Akta 255], Akta Relief Spesifik 1950 [Akta 137] dan Akta Undang-Undang Sivil 1956 [Akta 67]. Undang-undang tersebut tidak menyentuh secara terperinci berkenaan hak dan tanggungjawab pemilik kediaman dan penyewa.

3. Dalam hal ini, apabila timbul sebarang pertikaian antara pemilik kediaman dan penyewa, tindakan akan dikemukakan ke mahkamah rendah sivil. Walau bagaimanapun, proses penyelesaian pertikaian di mahkamah akan mengambil masa yang agak lama, melibatkan kos yang tinggi dan kemungkinan kedua-dua pihak gagal mendapatkan perintah yang mampu memenuhi kehendak semua pihak yang terlibat.
  
4. Oleh yang demikian, akta baharu ini menyediakan punca kuasa untuk menubuhkan tribunal khusus bagi mendengar dan menyelesaikan pertikaian di antara pihak yang terlibat dalam urusan sewaan kediaman. Tribunal khusus diwujudkan sebagai badan alternatif kepada mahkamah dalam mempercepatkan proses penyelesaian tuntutan pihak-pihak yang terlibat dengan kos yang rendah. Tribunal juga mampu mendalami isu-isu berkaitan sewaan kediaman dan memberikan penyelesaian yang bersesuaian kepada semua pihak.
  
5. Tribunal ini dimodel dari Tribunal Pengurusan Strata dan had bidang kuasa tribunal ini ditetapkan sebanyak RM250,000. Tribunal akan diberi bidang kuasa untuk mendengar, menyiasat dan menyelesaikan pertikaian berkaitan sewaan, kadar sewa, pengingkaran terma-terma perjanjian sewaan oleh mana-mana pihak, aspek berkaitan pemulangan deposit sekuriti, pengusiran penyewa dari premis dan lain-lain perkara yang disenaraikan dalam akta.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN BALASUBRAMANIAM A/L**  
**NACHIAPPAN**  
**TARIKH : 20 DISEMBER 2021**

**Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan** minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan langkah untuk menangani isu tugas guru yang terbeban dengan kerja pengkeranian yang berlebihan daripada tugas asal.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa prihatin terhadap beban tugas guru dan mencari kaedah terbaik bagi mengatasi perkara ini di sekolah. KPM telah menubuhkan Jawatankuasa Mengkaji Beban Tugas Guru (JKMBTG) telah ditubuhkan pada 30 Ogos 2018. JKMBTG telah menggariskan beberapa inisiatif jangka pendek, jangka sederhana dan jangka panjang bagi menangani beban tugas guru. Ini bertujuan untuk menjadikan pengurusan di sekolah lebih efisien, ringkas dan tidak berulang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, antara usaha dan inisiatif yang telah dilaksanakan bermula pada tahun 2019 bagi tujuan ini adalah seperti berikut:

- i. Memudahkan pengurusan fail dan dokumentasi
- ii. Pengurusan data & sistem online
- iii. Penyeragaman borang dan proses pemantauan
- iv. Sistem Rekod Kesihatan Murid secara dalam talian (e-RKM)

KPM juga sedang melaksanakan penambahbaikan ke atas fungsi sumber manusia di sekolah melalui senarai tugas guru - Rendah dan Menengah melalui pewujudan Modul Tadbir Urus Sekolah (MySG). MySG menjelaskan dengan lebih terperinci 4 komponen pengurusan sekolah, iaitu Pengurusan dan Pentadbiran, Kurikulum, Hal Ehwal Murid dan

Kokurikulum. Tugas-tugas yang dikenal pasti tidak relevan dengan tugas guru dan tidak mempunyai punca kuasa yang sah akan dihapuskan atau dijajarkan kepada pihak-pihak yang bersesuaian. Ini dapat memberi ruang kepada guru untuk memberikan tumpuan penuh terhadap usaha ke arah kemenjadian murid.

Selain itu, KPM juga sedang membangunkan *Single Sign On* (SSO) yang merupakan inisiatif baharu untuk memudahkan guru membuat capaian sistem melalui gerbang tunggal di portal KPM dengan hanya menggunakan satu Login ID dan Password. Inisiatif SSO ini dijangka akan siap sepenuhnya pada bulan Julai 2022.

KPM komited dalam memastikan semua guru dapat memberi fokus kepada peningkatan profesionalisme guru dan program peningkatan prestasi murid.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN SERUANDI BIN SAAD**  
**TARIKH : 20 DISEMBER 2021**

**Tuan Seruandi Bin Saad** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan perancangan masa hadapan bagi mempromosikan program Pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dan apakah sasaran perkembangan TVET pada tahun hadapan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Penubuhan Politeknik dan Kolej Komuniti adalah bertujuan menyediakan akses meluas kepada program TVET yang berkualiti dan diiktiraf. Selain itu, ia turut berperanan memperkasa komuniti melalui Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) dan melahirkan graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang. Dalam hal ini, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sentiasa komited untuk menjadikan Politeknik dan Kolej Komuniti sebagai peneraju institusi TVET yang unggul.

Justeru, pelbagai program promosi telah dan akan terus dipergiat oleh KPT melalui JPPKK bagi menggalakkan lebih ramai pelajar melanjutkan pengajian dalam bidang TVET, antaranya seperti berikut:

- 1) mengoptimumkan penggunaan platform media sosial seperti Facebook, Twitter dan Instagram bagi memberikan impak yang positif dalam menarik lebih ramai pelajar untuk mengikuti bidang TVET;
- 2) mempergiat aktiviti promosi melalui media massa seperti televisyen dan radio serta media cetak;

- 3) berkolaborasi bersama agensi kerajaan dan swasta serta NGO yang berkaitan bagi meningkatkan kesedaran orang ramai khususnya bakal pelajar dalam menggalakkan mereka memilih bidang TVET sebagai pilihan utama. Penglibatan dan perkongsian kejayaan alumni Politeknik dan Kolej Komuniti juga membantu usaha mempromosi program-program pengajian di Politeknik dan Kolej Komuniti;
  
- 4) Seiring dengan Lonjakan Keempat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) iaitu Graduan TVET Berkualiti serta merealisasikan sasaran RMKe-12, KPT melalui JPPKK berhasrat untuk memperkukuh jenama TVET dalam kalangan masyarakat agar bidang TVET kekal relevan sebagai pilihan utama para belia melalui pelbagai inisiatif antaranya:
  - i. Penawaran Program Berpacukan Industri (Industry-driven Programme)
  - ii. Pemantapan Program Pendigitalan dalam Pendidikan TVET
  - iii. Pelaksanaan Program PENJANA KPT-CAP
  - iv. Penambahbaikan Dasar berkaitan Ekosistem TVET melalui MTVET

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK RAZALI BIN IDRIS**  
**TARIKH : 20 DISEMBER 2021**

**Datuk Razali bin Idris** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah usaha Kerajaan untuk memantau syarikat swasta yang membuat tuntutan di bawah Program Subsidi Upah (PSU) di bawah Pakej PEMULIH supaya bantuan Kerajaan betul-betul disalurkan kepada syarikat yang berhak.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Program Subsidi Upah) merupakan bantuan kewangan kepada majikan yang terkesan dari segi ekonomi akibat COVID-19 supaya dapat meneruskan operasi syarikat yang secara langsung akan mengekalkan pekerja mereka dalam tempoh yang kritikal ini dan menyelamatkan mereka daripada dibuang.

Bagi memantau syarikat swasta yang membuat tuntutan di bawah Program Subsidi Upah iaitu di bawah Pakej PEMULIH disalurkan kepada syarikat yang berhak, Kerajaan telah menetapkan kelayakan mengikut terma dan syarat sepertimana yang dikehendaki dengan mengemukakan permohonan kepada PERKESO.

Proses kelulusan Program Subsidi Upah melibatkan semakan pada syarat-syarat permohonan serta maklumat majikan dalam portal pendaftaran & caruman (Portal ASSIST) PERKESO dengan mengambil kira caruman aktif setiap bulan. Antara syarat di bawah Program ini adalah majikan yang memilih untuk menerima bantuan ini disyaratkan untuk mengekalkan semua pekerja mereka yang bergaji RM4,000 dan ke bawah.

Setiap permohonan yang telah diluluskan akan dirujuk silang dengan maklumat pada permohonan tuntutan faedah kehilangan pekerjaan di bawah Sistem Insurans Pekerja (Portal SIP). Permohonan

**NO SOALAN: 39**

yang telah diluluskan akan dibayar ke akaun syarikat pada setiap bulan untuk suatu tempoh.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATUK JOHN AMBROSE  
TARIKH : 20 DISEMBER 2021**

**Datuk John Ambrose** minta **MENTERI PERUSAHAAN  
PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan :-

- (a) langkah- langkah terbaru yang diambil oleh Kementerian dalam menaikkan harga komoditi getah dan kelapa sawit serta program bantuan untuk pekebun kecil yang terlibat dalam komoditi ini; dan
- (b)
- (b) senarai pasaran negara baru yang membeli produk komoditi getah dan kelapa sawit dari Malaysia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

**Soalan (a):**

Pada masa ini, harga purata minyak sawit mentah (MSM) untuk tempoh dari bulan Januari hingga Oktober 2021 telah meningkat sebanyak 65.5% kepada RM4,276.50 satu tan berbanding RM2,583.50 satu tan pada tempoh yang sama tahun 2020. Harga purata bulanan MSM tertinggi yang pernah dicatat dalam sejarah negara sebanyak RM5,051.00 satu tan telah dicapai pada bulan Oktober 2021.

Penganalisa pasaran mengunjurkan harga MSM akan kembali stabil pada tahun 2022. Harga MSM yang tinggi kini adalah disebabkan oleh gangguan yang berlaku terhadap bekalan minyak sayuran dunia seperti minyak kacang soya dan minyak sawit. Pengeluaran minyak sayuran dunia pada tahun 2022 diunjurkan kembali mencatatkan pertumbuhan yang positif dan harganya akan kembali stabil di pasaran.

Bagi memastikan harga MSM kekal stabil di masa hadapan, Kementerian telah mengambil langkah-langkah strategik terbaru seperti berikut:

- Meneruskan program penanaman semula sawit yang telah dicadangkan di bawah bajet 2022 dengan peruntukan sebanyak RM10 juta. Langkah ini diambil bagi memastikan industri sawit terus kekal kompetitif di masa hadapan. Langkah ini juga akan membantu paras stok minyak sawit agar kekal terurus rendah bagi menentukan harga MSM kekal stabil di masa hadapan.

## NO SOALAN: 40

- Melancarkan kontrak niaga hadapan MSM khusus untuk Wilayah Sabah dan Sarawak melalui kerjasama dengan Bursa Malaysia yang dikenali sebagai East Malaysia Crude Palm Oil Futures (FEPO) atau Kontrak Niaga Hadapan Minyak Sawit Malaysia Timur. Ini dijangka dapat mewujudkan mekanisma harga MSM yang lebih baik.
- Meningkatkan permintaan terhadap minyak sawit dan produk berasaskan sawit melalui pengukuhan pasaran sedia ada seperti di Pakistan, Turki, negara-negara ASEAN dan sebagainya dan penerokaan pasaran baharu seperti ke Benua Afrika, negara Timur Tengah dan Benua Amerika.
- Memperkukuh kerjasama strategik bersama Indonesia menerusi Majlis Negara-Negara Pengeluar Minyak Sawit (*Council of Palm Oil Producing Countries* atau CPOPC) bagi memantapkan lagi amalan persekitaran mampan, pengurusan bekalan, aktiviti promosi dan pembangunan pekebun-pekebun kecil. Selain itu, kerjasama ini membolehkan perancangan dan pelaksanaan pelbagai aktiviti untuk memperkukuhkan harga.
- Pelaksanaan secara mandatori Skim Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO). Pensijilan ini memberi penekanan dalam mempraktikkan amalan pertanian baik (GAP), penjagaan keselamatan dan kesihatan pekerja, pematuhan undang-undang serta melindungi alam sekitar. Ia bagi memastikan minyak sawit terus berdaya saing dari segi tahap kualiti dan kelestarian dengan minyak sayuran lain dunia.

Tuan Yang Di-Pertua,

Pelbagai program bantuan yang telah dan sedang dilaksanakan oleh pihak kerajaan untuk pekebun kecil khususnya pekebun kecil persendirian. Antaranya adalah Skim Bantuan Integrasi Tanaman (ITa), Skim Bantuan Integrasi Ternakan (ITe) serta penyediaan pembiayaan mudah untuk pekebun kecil melaksanakan aktiviti tanam semula sawit (TSPKS) dan kemudahan pembiayaan bagi pembelian input pertanian seperti baja sebatian (IPPKS).

Kerajaan juga melalui Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKSA) telah menyediakan geran padanan pembelian jentera sebanyak RM20 juta kepada 65 Koperasi Penanam Sawit Mampan (KPSM) di seluruh negara.

Di dalam masa yang sama, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK) melalui Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) turut menjalinkan program kerjasama bersama-sama pihak Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) di dalam menjalankan program penanaman tanaman kontan (Skim Bantuan Tanaman Kontan B40 – TKB40) yang disediakan khusus untuk pekebun kecil sawit.

**Soalan (b):**

Tuan Yang Di-Pertua,

Antara pasaran baharu bagi komoditi sawit untuk tempoh Januari hingga September 2021 adalah negara seperti Eswatini, Sudan Selatan, Burundi, Gibraltar dan Burkina Faso dengan jumlah nilai eksport sebanyak RM461,794 juta.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB SR. HAJI MOHD APANDI BIN**  
**MOHAMAD**  
**TARIKH : 20 DISEMBER 2021**

**Tuan Sr Haji Mohd Apandi bin Mohamad** minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan tahap penggunaan kaedah "value engineering" bagi mendapatkan anggaran kos projek-projek Kerajaan Persekutuan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kerajaan telah menetapkan supaya Pengurusan Nilai (Value Management, VM) dilaksanakan bagi semua projek fizikal bernilai RM50 Juta dan ke atas. Ia dimandatkan kepada Unit Perancang Ekonomi (UPE), JPM untuk menyalurkan peruntukan pelaksanaan VM ini. Kejuruteraan Nilai (Value Engineering, VE) dilaksanakan di peringkat pembangunan rekabentuk bertujuan mengoptimumkan nilai yang memberi implikasi terhadap penentuan anggaran kos projek Kerajaan. VE tidak hanya dilaksana semata-mata untuk menentusah atau menetapkan kos sahaja, terdapat pelbagai faktor serta kriteria nilai lain seperti kefungasian, kualiti, masa, kepuasan dan seumpamanya yang juga perlu dioptimumkan melalui VE.

Sehingga kini, tahap penggunaan kaedah VE di dalam projek Kerajaan telah dilakukan dengan jayanya secara menyeluruh serta teratur mengikut prosedur yang ditetapkan UPE, JPM. Pihak yang terlibat termasuk stakeholders projek juga telah secara langsung bekerjasama menyampaikan idea dan pandangan untuk mengoptimumkan kos, fungsi serta kualiti projek Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' HAJI HUSAIN BIN AWANG**  
**TARIKH : 20 DISEMBER 2021**

**Dato' Haji Husain bin Awang** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan masih menanggung subsidi bagi kos mengerjakan ibadah haji yang berkemungkinan akan meningkat susulan perubahan prosedur operasi standard (SOP) ibadah itu yang dilaksanakan akibat penularan pandemik COVID-19.

**JAWAPAN**

**YB SENATOR TUAN HAJI IDRIS BIN HAJI AHMAD,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Sebagai sebuah institusi Islam yang bertanggungjawab dalam semua urusan berkaitan ibadat haji dan memastikan kebajikan jemaah haji terpelihara, Lembaga Tabung Haji (**TH**) akan terus menanggung pemberian bantuan kewangan haji.
2. Untuk makluman, **TH** telah menanggung bantuan kewangan haji bagi jemaah haji semenjak tahun 2001 dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM2.02 billion. Ini bermakna jemaah muassasah hanya membayar sebahagian (RM9,980 seorang) dari kos sebenar untuk menunaikan haji. Pada tahun 2019, bantuan kewangan haji ini merangkumi 56% dari kos keseluruhan (RM22,900) untuk mengerjakan ibadat haji.
3. Bantuan kewangan haji ini dibiayai daripada hasil pendapatan pelaburan **TH** setiap tahun. Ini bermakna, semakin bertambah jumlah bantuan kewangan kepada jemaah haji, maka agihan keuntungan kepada kesemua pendeposit **TH** akan berkurangan.

4. Kos untuk mengerjakan haji telah meningkat setiap tahun disebabkan pelbagai faktor seperti inflasi, kadar tukaran mata wang dan pengenalan caj ke atas perkhidmatan tambah nilai serta cukai baharu di Arab Saudi. Kos Haji juga dijangka akan bertambah susulan impak pelaksanaan prosedur operasi standard COVID-19 seperti ujian PCR, perlindungan kesihatan dan lain-lain caj berkaitan.
  
5. **TH akan terus memberi bantuan kewangan haji** untuk musim haji akan datang. Namun kadarnya akan ditetapkan setelah perbincangan secara menyeluruh dibuat dengan mengambil kira keupayaan dan kedudukan kewangan **TH** serta konsep Istito'ah iaitu syarat kemampuan seseorang itu menunaikan haji.
  
6. Selain itu, semua bakal haji dinasihatkan untuk membuat persiapan awal dari aspek ilmu ibadat haji, kesihatan, rohani, jasmani dan kewangan agar bersedia apabila tiba masa dipanggil untuk mengerjakan haji nanti.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' ZAIEDI HAJI SUHAILI**  
**TARIKH : 20 DISEMBER 2021**

**Dato' Zaiedi Haji Suhaili** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan pencapaian sebenar Majlis Keselamatan Aktiviti Air semenjak ia ditubuhkan dan sejauh mana penekanan yang diberikan Kerajaan untuk memastikan aktiviti air di negeri Sarawak benar-benar selamat dan mengurangkan risiko kemalangan maut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Majlis Keselamatan Aktiviti Air (MKAA) telah ditubuhkan pada tahun 2015 bertujuan untuk meningkatkan kesedaran, keselamatan dan usaha untuk mengurangkan insiden kejadian lemas di rumah, tempat kerja, pengangkutan air dan tempat rekreasi serta mana-mana badan air yang terlibat. Selain itu, penubuhan MKAA bertujuan untuk menggalakkan rakyat supaya mengamalkan budaya selamat ketika menjalankan aktiviti air, sama ada bersukan ataupun berekreasi.
  
2. Sebelum penubuhan MKAA, jumlah kes kematian akibat lemas yang dilaporkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) adalah melebihi 500 kes setahun. Contohnya, sebanyak 600 kes telah dilaporkan pada tahun 2012 dan 581 kes pada tahun 2013. Walau bagaimanapun, setelah penubuhan MKAA, kes-kes kematian akibat lemas telah mula menunjukkan pengurangan. Berikut merupakan statistik kematian akibat lemas berdasarkan data JBPM:

<b>Tahun</b>	<b>Jumlah kematian akibat lemas</b>
2016	260 kes
2017	327 kes
2018	269 kes
2019	232 kes

2020	239 kes
Sehingga bulan September 2021	199 kes

3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, penyediaan dan pelaksanaan Modul Kesedaran Asas Keselamatan di Air untuk pelajar sekolah yang telah dilaksanakan di Putrajaya sejak dari tahun 2019 telah memberi manfaat kepada lebih kurang 1,000 pelajar di Putrajaya. Modul ini akan diperluaskan ke seluruh Malaysia tetapi berikutan penularan wabak Covid-19, usaha ini telah dilaksanakan secara maya sahaja.
  
4. MKAA telah mengguna pakai MS ISO 20712 dalam penyediaan dan penggunaan papan tanda yang seragam bagi tujuan keselamatan di air. MKAA juga telah melaksanakan Kempen Kesedaran Keselamatan di Air Peringkat Negeri sejak tahun 2016 dan mendapat sambutan yang amat menggalakkan. Fokus pelaksanaan kempen ini adalah untuk memberi kesedaran dalam mengamalkan budaya selamat semasa melaksanakan apa-apa aktiviti di air. Lima (5) modul keselamatan yang dilaksanakan semasa kempen ini adalah:
  - i) Jom Belajar Berenang;
  - ii) Kaedah Menyelamat;
  - iii) Simbol dan Papan Tanda;
  - iv) Tips Keselamatan; dan
  - v) Cardiopulmonary Resuscitation (CPR).
  
5. MKAA turut berjaya melaksanakan Program Keselamatan Aktiviti Air di Sarawak pada tahun 2019 hingga 2021. Sebanyak empat (4)

**NO SOALAN: 43**

program melibatkan seramai 150 peserta telah berjaya dilaksanakan seperti berikut:

Bil.	Kawasan	Tarikh
1.	Semantan Lundu	7 November 2019
2.	Kampung Long Bernang Marudi	21 Ogos 2020
3.	Taman Negara Mulu	28 September 2020
4.	Clear Water Cave Mulu.	21 Oktober 2021

6. JBPM telah melaksanakan sebanyak 107 program kempen kesedaran awam yang melibatkan seramai 6,309 peserta di Sarawak sepanjang tahun 2021. Program kesedaran awam ini mengandungi aktiviti ceramah, pameran dan demonstrasi keselamatan kebakaran termasuk keselamatan aktiviti di air. Program kempen kesedaran ini melibatkan kawasan rumah panjang, rumah air, perkampungan, sekolah, institusi pengajian tinggi dan sebagainya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN MUHAMMAD ZAHID BIN MD ARIP**  
**TARIKH : 20 DISEMBER 2021**

**Tuan Muhammad Zahid Bin Md Arip** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

(a) apakah syarikat yang diberikan kontrak untuk menguruskan caj pemprosesan dan caj pas tahunan program Malaysia Rumah Keduaku (MM2H) serta mengapakah caj pemprosesan sehingga RM7,500 dikenakan ke atas setiap peserta yang sebelum ini adalah percuma manakala caj pas tahunan dinaikkan kepada RM500 berbanding RM90 sebelum ini; dan

(b) adakah syarat Fix Deposit RM1 juta yang diwajibkan ke atas setiap peserta program Malaysia Rumah Keduaku (MM2H) akan dikaji semula memandangkan syarat tersebut dilihat tidak munasabah kerana wujudnya larangan had pengeluaran wang oleh negara asal peserta bagi setiap tahun.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli YB Senator, Kementerian Dalam Negeri tidak melantik atau memberikan kontrak kepada mana-mana syarikat untuk menguruskan fi pemprosesan dan fi pas tahunan Program Malaysia Rumah Keduaku (MM2H). Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, kadar fi pas yang dikenakan adalah RM500 setahun dan kadar fi proses adalah sebanyak RM5,000 bagi prinsipal serta RM2,500 bagi setiap tanggungan. Antara pertimbangan yang diberikan untuk kenaikan kadar fi pas adalah kerana kadar fi pas tidak pernah dinaikkan sejak tahun 1996. Manakala, tujuan fi proses diperkenalkan adalah untuk menambah baik kualiti perkhidmatan Kerajaan yang mana sistem atas talian permohonan Program MM2H dibangunkan supaya perkhidmatan yang diberikan adalah lebih baik, pantas dan efisien berbanding permohonan sebelum ini yang diproses secara manual dan mengambil masa yang lebih lama.
- (b) Sepertimana Ahli YB Senator sedia maklum, Program MM2H diilhamkan pada tahun 2002 susulan daripada Program *Silver Hair* yang dilaksanakan oleh Jabatan Imigresen Malaysia sejak tahun 1996. Oleh itu, sepanjang 24 tahun Program MM2H diperkenalkan, keperluan pemilikan akaun simpanan tetap dalam bank tempatan adalah satu syarat utama dalam program ini. Nilai maksimum akaun simpanan tetap semasa *Program Silver Hair* adalah sebanyak RM150,000 manakala bagi Program MM2H adalah sebanyak

**NO SOALAN: 44**

RM300,000 sebelum penambahbaikan program. Kesemua peserta yang telah diluluskan permohonan mereka telah dapat memenuhi syarat pemilikan akaun tetap tersebut. Sehubungan itu, kementerian berkeyakinan bahawa pemohon yang ingin memasuki Program MM2H mampu membuka akaun simpanan tetap bernilai RM1 juta di bank tempatan Malaysia. Syarat Simpanan Tetap RM1 juta yang ditetapkan adalah relevan dan peserta masih boleh membuat pengeluaran sehingga 50% bagi tujuan pembelian hartanah, kesihatan dan pendidikan anak-anak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK BOBBEY BIN SUAN**  
**TARIKH : 20 DISEMBER 2021**

**Datuk Bobbey Bin Suan** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah usaha Kementerian dalam menggalakkan atau membantu peniaga-peniaga atau pengusaha - pengusaha warga Malaysia di luar negara dalam sektor perniagaan seperti mereka yang membuka restoran atau café frenchise.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPDNHEP selaku pihak yang menerajui sektor perdagangan pengedaran menggunakan mekanisme pengawal seliaan dan pembangunan industri francais di bawah kementerian ini untuk meluaskan pasaran perniagaan syarikat tempatan Malaysia ke peringkat antarabangsa yang antaranya meliputi pembukaan outlet restoran atau kafe francais di negara-negara luar. Program Pengantarabangsaan Francais Malaysia adalah instrumen yang digunakan oleh kementerian ini dengan tujuan untuk meningkatkan daya saing dan penembusan jenama-jenama francais Malaysia ke pasaran antarabangsa agar mampu menjana pulangan menerusi pembukaan outlet-outlet baru menerusi francais di negara luar yang diterokai oleh francaisor tempatan Malaysia.
  
2. Sehubungan itu, KPDNHEP melaksanakan *Enhanced Franchise Development Programme* (EFDP) di bawah *Service Sector Blueprint* yang diperkenalkan oleh Kerajaan sejak tahun 2015 dalam usaha meluaskan penembusan pasaran industri francais ke peringkat antarabangsa. Program yang bertujuan meningkatkan kebolehpasaran jenama francais tempatan ke luar negara dilaksanakan, antara lainnya melalui:
  - i. penyediaan infrastruktur *video conference* untuk rundingan antara francaisor tempatan dengan bakal pelabur antarabangsa;

- ii. pemberian latihan bagi meningkatkan kapasiti syarikat ke arah pengantarabangsaan;
  - iii. penganjuran program *business matching* ke luar negara secara fizikal dan maya;
  - iv. penyertaan francais Malaysia dalam pameran-pameran di peringkat antarabangsa; dan
  - v. bantuan kewangan kepada francaisor berbentuk bayaran balik kos pendaftaran cap dagang dan kos perjanjian francais di luar negara.
3. Dari tahun 2015-2020, sebanyak 391 outlet francais Malaysia telah dibuka di luar negara hasil daripada pelaksanaan program EFDP. Ini menunjukkan bahawa jenama francais Malaysia mempunyai potensi untuk berkembang maju bukan sahaja di arena domestik, malah juga di persada antarabangsa. Syarikat-syarikat francais juga boleh berperanan sebagai duta negara dengan memperkenalkan produk-produk dan citarasa Malaysia di persada dunia.
4. Di bawah RMK-12, KPDNHEP telah diperuntukkan siling berjumlah RM10 juta untuk meneruskan program EFDP ini. Peruntukan ini akan dimanfaatkan dengan aktiviti-aktiviti sedia ada dan baru seperti siri jelajah maya *Malaysia Digital Franchise Expo* (MyDigiFEx), siri latihan *Masterclass* dan sebagainya. Ini akan membuka lebih banyak peluang kepada pemain-pemain industri francais Malaysia meneroka pasaran baru serta meningkatkan kualiti produk dan perkhidmatan yang mereka tawarkan.

5. Di samping itu, skop pembangunan pengembangan francais Malaysia ke luar negara perlu sentiasa dilakukan dari semasa ke semasa menerusi EFDP ini bagi meningkatkan penyertaan francaisor-francaisor tempatan yang baru untuk menembusi pasaran antarabangsa bagi merencanakan lagi aktiviti pengantarabangsaan francais. Skop Pembangunan dalam hubungan ini akan memberi tumpuan kepada :
- i. Pembangunan konsep *cloud kitchen / dark kitchen / central kitchen* yang semakin mendapat tempat di luar negara. Konsep ini juga terkandung dalam kerangka *Service Sector Blueprint 2.0* di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri;
  - ii. Intervensi dalam isu penutupan outlet francaisor di luar negara (berdasarkan situasi); dan
  - iii. *International Expansion Worthiness Audit* bagi menilai tahap kesediaan francaisor yang ingin dibawa menyertai misi promosi francais ke luar negara dari sudut pengurusan antarabangsa dan bahan-bahan promosi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB IR. TS. HAJI KHAIRIL NIZAM BIN**  
**KHIRUDIN**  
**TARIKH : 20 DISEMBER 2021**

**Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin** minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan hasil keputusan Persidangan Ke-26 Konvensyen Rangka Kerja Perubahan Iklim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Glasgow untuk dilaksanakan di Malaysia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semasa di persidangan UNFCCC COP-26 di Glasgow, Scotland dari 31 Oktober 2021 hingga 13 November 2021, delegasi Malaysia yang diketuai oleh Kementerian Alam Sekitar dan Air telah mengikuti proses rundingan bagi isu-isu utama persidangan seperti berikut:

- i. Pembangunan mekanisme pasaran karbon di bawah Artikel 6 kepada Perjanjian Paris;
- ii. Pembangunan format pelaporan maklumat perubahan iklim di bawah Artikel 13 kepada Perjanjian Paris;
- iii. Jangka masa sepunya bagi *Nationally Determined Contributions* (NDC) kepada Perjanjian Paris;
- iv. Pembiayaan kewangan perubahan iklim; dan
- v. Adaptasi perubahan iklim.

2. Bagi menjawab soalan yang diajukan oleh Ahli Yang Berhormat, antara keputusan penting yang dicapai berkaitan dengan negara ialah pembangunan mekanisme pasaran karbon, pembangunan format pelaporan perubahan iklim dan jangka masa sepunya bagi NDC.

3. Proses rundingan pembangunan mekanisme pasaran karbon di persidangan UNFCCC COP-26 telah mencapai konsensus mengenai isu-isu prinsip yang melibatkan pasaran karbon di bawah Perjanjian Paris seperti pelaksanaan pelarasan berpadanan, proses pelaporan, proses penilaian, sumbangan hasil jualan kredit karbon bagi tindakan adaptasi

perubahan iklim, dan peralihan kredit karbon Clean Development Mechanism (CDM) di bawah Protokol Kyoto ke bawah Perjanjian Paris.

4. Susulan dari keputusan rundingan tersebut, Malaysia perlu membuat persediaan sewajarnya dari aspek membangunkan kerangka institusi bagi melaksanakan pasaran karbon di bawah Perjanjian Paris. Pada masa ini, Kementerian Alam Sekitar dan Air sedang menubuhkan Pusat Gas Rumah Kaca (GHG) yang antara lain akan mewujudkan unit khusus bagi menyelaraskan dan memantau pelaksanaan mekanisme pasaran karbon di dalam negara. Dalam masa yang sama, Malaysia juga perlu membangunkan kapasiti dan kepakaran teknikal bagi melaksanakan mekanisme pasaran karbon di bawah Perjanjian Paris. Untuk makluman, sebagai alternatif kepada mekanisme pasaran karbon antarabangsa, kerajaan sedang membangunkan platform tunggal perdagangan karbon peringkat domestik secara berfasa melalui kerjasama antara Kementerian Alam Sekitar dan Air, Kementerian Kewangan dan Bursa Malaysia.

5. Untuk makluman ahli yang berhormat juga, proses rundingan berkaitan pembangunan format pelaporan maklumat perubahan iklim juga telah mencapai konsensus semasa di persidangan UNFCCC COP-26. Berdasarkan kepada keputusan rundingan, semua negara telah bersetuju dengan format dan jadual pelaporan bagi penyediaan Laporan Ketelusan Dwitahunan (*Biennial Transparency Report – BTR*), kerangka laporan BTR dan program latihan bagi pakar yang akan terlibat dalam penilaian laporan BTR. Selain itu juga, negara membangun termasuk Malaysia juga diberikan kelonggaran dalam melaporkan maklumat perubahan iklim masing-masing menggunakan format dan jadual laporan yang dipersetujui.

6. Susulan dari keputusan rundingan tersebut, Malaysia perlu menyediakan laporan BTR pertama sebelum 31 Disember 2024. Laporan BTR tersebut akan mengandungi maklumat seperti inventori GHG kebangsaan, pencapaian sasaran NDC negara kepada Perjanjian Paris, pembiayaan kewangan, pemindahan teknologi dan pembangunan kapasiti yang diterima dan serta transaksi penjualan kredit karbon.

7. Rundingan bagi jangka masa sepunya NDC juga telah mencatatkan konsensus. Keputusan rundingan mengenai perkara ini adalah selari dengan pendirian Malaysia iaitu NDC dikemukakan setiap 5 tahun sekali dan mempunyai jangka masa pelaksanaan selama 10 tahun.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK DR. HAJI ZULKIFLI**  
**MOHAMAD AL BAKRI**  
**TARIKH : 20 DISEMBER 2021**

**Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al Bakri** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan langkah-langkah meraikan golongan warga emas bagi menggunakan peranti 4G apabila peranti 3G sudah lagi tidak diguna pakai kerana rata-rata dalam kalangan mereka tidak biasa dan kurang mahir menggunakan peranti 4G. Adakah sebarang skim diperuntukkan kepada golongan warga emas apabila peranti 3G ditutup sepenuhnya oleh Kementerian.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, Kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah mengambil beberapa langkah untuk mengurangkan harga perkhidmatan jalur lebar secara umumnya termasuk harga penggunaan peranti 4G.

Melalui Pakej Peranti Keluarga Malaysia yang telah dilancarkan pada 14 Oktober 2021, semua warganegara Malaysia **termasuk golongan warga emas** boleh memiliki atau menaik taraf peranti mudah alih terpilih yang bertaraf 4G VoLTE secara percuma dengan langganan bulanan serendah RM40 sebulan melalui kontrak selama 12 hingga 24 bulan (tertakluk kepada jenis peranti dan perkhidmatan yang dilangani).

Inisiatif ini memberi peluang kepada setiap rakyat untuk memiliki atau menaik taraf peranti mudah alih yang terkini agar tidak ketinggalan dalam meneruskan kelangsungan hidup selain menikmati kesalinghubungan yang baik dan mempertingkatkan produktiviti.

Pakej ini tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan oleh penyedia-penyedia perkhidmatan mudah alih. Pakej yang ditawarkan oleh enam (6) syarikat telekomunikasi iaitu Celcom, Digi, Maxis, U Mobile, Telekom Malaysia dan YTL telah bermula pada 15 Oktober 2021 dan akan berakhir pada 15 April 2022.

## **NO SOALAN: 47**

Selain itu, beberapa pemberi perkhidmatan jalur lebar mudah alih juga menyediakan pakej atau rebat khas kepada warga emas berumur 60 tahun dan ke atas. Sebagai contoh, Digi menawarkan rebat RM10/bulan seumur hidup bagi pelanggan warga emas yang melanggan pakej-pakej jalur lebar mudah alih pasca bayar tertentu. Manakala Tune Talk pula menawarkan pakej data jalur lebar mudah alih prabayar dengan harga RM10 untuk 2GB data dan panggilan tanpa had.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **YB DATUK PAUL IGAI**  
**TARIKH** : **20 DISEMBER 2021**

**Datuk Paul Igai** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat menempatkan sebuah Politeknik di Bahagian Kapit memandangkan agak ramai golongan muda yang telah tamat sekolah menengah yang tidak memenuhi syarat untuk memasuki ke Institusi Pengajian Tinggi Awam atau tidak mampu melanjutkan pelajaran mereka di kolej swasta.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Pertimbangan untuk menempatkan Politeknik di sesebuah kawasan perlu mengambil kira beberapa faktor seperti kajian kebolehlaksanaan dan kajian pasaran, peruntukan kewangan, perjawatan, keperluan industri dan unjuran pasaran tenaga kerja semasa yang diperlukan negara. Ini adalah selaras dengan hasrat Kerajaan untuk memberi peluang dan akses pendidikan yang berkualiti kepada masyarakat setempat dan secara tidak langsung untuk merancakkan serta memberi impak pertumbuhan ekonomi di peringkat negara secara amnya dan di kawasan yang terlibat secara khususnya.

Sehingga November 2021, terdapat tiga (3) buah Politeknik dan tujuh (7) buah Kolej Komuniti yang sedang beroperasi di Sarawak iaitu Politeknik Mukah, Politeknik Kuching, Politeknik METrO Betong, Kolej Komuniti Kuching, Kolej Komuniti Mas Gading, Kolej Komuniti Miri, Kolej Komuniti Sarikei, Kolej Komuniti Santubong, Kolej Komuniti Betong dan Kolej Komuniti Cawangan Sibul. Kesemua institusi ini menawarkan pelbagai program pengajian dalam bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET). Program-program yang ditawarkan ini dapat menyokong keperluan tenaga kerja mahir dan profesional bagi pembangunan ekonomi setempat dan negara.

Sehubungan dengan itu, pihak Kementerian berpandangan bahawa satu kajian kebolehlaksanaan secara lebih terperinci perlu dilaksanakan

terlebih dahulu bagi menentusahkan keperluan penubuhan Politeknik di Bahagian Kapit. Di samping itu, para pelajar serta masyarakat setempat turut digalakkan untuk menyertai kursus jangka pendek di bawah program Pendidikan Sepanjang Hayat (PSH) yang ditawarkan di Politeknik atau Kolej Komuniti negeri Sarawak. Penyertaan di dalam program Pendidikan Sepanjang Hayat (PSH) ini dapat memberi nilai tambah kepada para pelajar dan masyarakat setempat dari segi *upskilling* dan *reskilling* dalam bidang yang diminati sebelum mereka menceburi bidang kerjaya di masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK MOHAN A/L THANGARASU**  
**TARIKH : 20 DISEMBER 2021**

**Datuk Mohan a/l Thangarasu** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan melalui Rancangan Malaysisa Kesepuluh (RMKe-10) Kerajaan telah memperuntukan dana pusingan sebanyak RM50 juta untuk memberi peluang kepada pekerja estet tempatan memiliki rumah sendiri. Skim ini dinamakan sebagai Skim Pemilikan Perumahan Kos Rendah Pekerja-Pekerja Estet (SPPKR-PPE) pada permulaannya dan kemudiannya telah ditukar nama kepada Skim Khas Pembiayaan Rumah Pekerja Estet (SKRE). Mohon Menteri Sumber Manusia menyatakan status projek tersebut dan pelan pelaksanaan projek tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Skim Khas Pembiayaan Rumah Pekerja Estet (SKRE) diwujudkan di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 bagi menangani isu pemilikan rumah di kalangan pekerja-pekerja di ladang. Skim ini menawarkan kemudahan pembiayaan sehingga RM150,000 dengan kadar bayaran terendah sebanyak RM497 sebulan bagi tempoh pembiayaan maksimum selama 35 tahun.

Skim ini terbuka kepada semua pekerja ladang berumur 21 tahun hingga tidak kurang 60 tahun. Pekerja mestilah seorang Warganegara Malaysia yang telah disahkan jawatan, berpendapatan tetap, mempunyai pendapatan isi rumah RM4,000 ke bawah dan tidak pernah memiliki rumah sebelum ini. Pekerja kontrak dan pesara tidak layak memohon skim ini.

Pembelian hartanah terbuka kepada pembelian hartanah baru atau rumah terpakai (*sub-sale*) dengan nilai semasa atau harga belian tidak melebihi RM250,000 tertakluk kepada jumlah pembiayaan. Pekerja juga boleh memohon pembiayaan untuk membina rumah di atas tanah persendirian samada milik sendiri, pasangan, ibubapa atau anak atau di atas tanah yang disediakan oleh majikan ladang tertakluk kepada jumlah pembiayaan maksimum RM150,000.

Skim ini juga menawarkan kadar faedah terendah iaitu 2% terhadap baki bulanan dan pekerja boleh memohon untuk pinjaman 2 generasi (bersama anak yang bekerja dan mempunyai pendapatan tetap).

Di bawah skim ini, Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia diperuntukan geran berbentuk dana pusingan sebanyak RM50 juta yang disalurkan melalui Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri kepada Bank Simpanan Nasional.

Sejak program ini diperkenalkan pada tahun 2012 sehingga Disember 2020, 305 pekerja estet telah berjaya memiliki rumah dengan kelulusan peruntukan sebanyak RM25,386,938.00. Walau bagaimanapun, program telah tamat pada 31 Disember 2020, namun Kementerian telah memohon kepada Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri untuk melanjutkan program bagi memberi kemudahan kepada pekerja ladang.

Disamping itu, Kementerian juga dalam peringkat perbincangan bersama pemilik-pemilik ladang utama seperti *Sime Darby Plantation*. *Sime Darby* telah memberi komitmen untuk menjayakan rancangan dengan memberi tanah secara percuma ini bagi menyediakan perumahan kepada pekerja dan bekas pekerja ladang *Sime Darby*. Pendekatan ini akan diteruskan bagi membantu pekerja-pekerja ladang untuk memiliki rumah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB IR. TS. HAJI KHAIRIL NIZAM BIN**  
**KHIRUDIN**  
**TARIKH : 20 DISEMBER 2021**

**Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan inisiatif dilaksanakan oleh pihak Kerajaan dalam membantu sekolah-sekolah Pondok dan Tahfiz yang terjejas akibat pandemik COVID-19.

**JAWAPAN**

**YB SENATOR TUAN HAJI IDRIS BIN HAJI AHMAD,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Pandemik Covid-19 yang melanda dunia hari ini telah memberi impak yang besar kepada semua sektor termasuk sektor pendidikan. Justeru, Kerajaan telah memperkenalkan pelbagai inisiatif bagi membantu kelangsungan pengoperasian institusi pendidikan di negara ini termasuk institusi tahfiz swasta dan pondok yang berdaftar dengan Pihak Berkuasa Agama Negeri. Antaranya dengan memperkenalkan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) bagi membolehkan institusi berkenaan terus dapat beroperasi dalam norma baharu.

Berdasarkan maklumat yang disahkan oleh Pihak Berkuasa Agama Negeri, hakikatnya penutupan institusi tahfiz dan pondok swasta berdaftar adalah hanya bersifat sementara bagi mematuhi arahan Kerajaan supaya rantai jangkitan wabak Covid-19 dapat diputuskan. Namun begitu, tidak dinafikan terdapat institusi yang tidak berdaftar yang berhadapan dengan kemerosotan sumber kewangan impak pandemik ini.

Pada tahun 2021, Kerajaan sekali lagi menyediakan peruntukan sebanyak RM100 juta secara one-off bagi tujuan selenggara dan naik

taraf Institusi Pendidikan Islam di bawah penyelarasan Lembaga Penasihat Penyelarasan Pelajaran dan Pendidikan Agama Islam (LEPAI) merangkumi Sekolah Agama, institusi tahfiz dan pondok. Kerajaan pada tahun 2021 juga telah bersetuju meluluskan sebahagian daripada baki peruntukan RM40 juta, iaitu sebanyak RM20 juta digunakan bagi tujuan pembiayaan bantuan pengoperasian institusi-institusi Pendidikan Islam berdaftar yang terkesan dengan pandemik Covid-19 secara one-off bagi tahun 2021 sahaja. Peruntukan tersebut telah memberi manfaat kepada 1,298 buah institusi-institusi Pendidikan Islam dengan jumlah peruntukan sebanyak RM15,737,000.00.

Bagi bantuan jangka panjang, Kerajaan turut merancang untuk memberi kemahiran Tahfiz Tvet kepada pengusaha dan murid tahfiz serta pondok bagi membolehkan mereka menjana pendapatan sendiri dan tidak terlalu bergantung kepada bantuan dan sumbangan kerajaan serta masyarakat, dalam memastikan institusi tahfiz dan pondok di bawah kelolaan mereka terus dapat beroperasi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK BOBBEY BIN SUAN**  
**TARIKH : 20 DISEMBER 2021**

**Datuk Bobbey Ah Fang Bin Suan** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan secara terperinci jumlah peruntukan dan bilangan penerima Geran Khas Prihatin (GKP) sejak pelaksanaannya. Nyatakan syarat kelulusan dan/atau kelayakan untuk menerima Geran Khas Prihatin (GKP 4.0).

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Secara keseluruhannya, jumlah bilangan penerima Geran Khas Prihatin (atau GKP) kini mencecah **1 juta PKS mikro**. Setakat hari ini, peruntukan yang telah disalurkan kepada PKS mikro di bawah GKP semenjak COVID-19 melanda negara adalah berjumlah **6.08 bilion ringgit**.

2. Syarat kelayakan GKP sedia ada adalah seperti berikut:

- Pertama, pemohon mestilah berstatus warganegara Malaysia;
- Kedua, pemohon mesti mempunyai jumlah jualan atau perolehan tahunan kurang daripada 300,000 ringgit, dan jumlah pekerja sepenuh masa tidak melebihi 4 orang, tidak termasuk pemilik;
- Ketiga, pemohon mesti berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Pihak Berkuasa Tempatan atau Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia; dan
- Akhir sekali, pemohon masih aktif menjalankan perniagaan semasa permohonan dibuat.

3. Syarat kelayakan sedia ada sangat minima dan tidak terlalu ketat bagi memastikan PKS mikro yang terkesan mendapat bantuan dengan segera. Kerajaan berharap agar bantuan langsung berterusan yang disalurkan kepada PKS mikro ini akan meringankan beban mereka, terutamanya mereka yang masih terjejas pada ketika ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB PUAN FADHLINA BINTI DATO'**  
**SIDEK**  
**TARIKH : 20 DISEMBER 2021**

**Puan Fadhlina binti Dato' Sidek** minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan komitmen Malaysia pasca Persidangan Perubahan Iklim Bangsa-bangsa Bersatu ke-26 (COP26) khususnya berkaitan mengehendakan peningkatan suhu sebagaimana yang dikehendaki di bawah Perjanjian Iklim Paris 2015.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua negara ahli kepada UNFCCC perlu mengemukakan sasaran pengurangan pelepasan gas rumah kaca (GHG) melalui *Nationally Determined Contributions* (NDC) yang akan menyumbang kepada matlamat Perjanjian Paris untuk mengehadkan pemanasan global.
2. Malaysia telah mengemukakan NDC yang telah dikemaskini berdasarkan keputusan Konvensyen Rangka Kerja Perubahan Iklim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNFCCC) yang mempunyai sasaran pengurangan intensiti pelepasan GHG merentas ekonomi sebanyak 45 peratus (berdasarkan Keluaran Dalam Negara Kasar) pada tahun 2030 berbanding tahapnya pada tahun 2005. Pengurangan intensiti tersebut dibuat tanpa syarat dan 10 peratus lebih tinggi berbanding sasaran sebelum ini. Sasaran NDC Malaysia juga turut merangkumi 7 jenis GHG berbanding 3 jenis sebelum ini.
3. Selain itu juga, sepertimana yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri semasa pembentangan Rancangan Malaysia ke-12, Malaysia juga mempunyai aspirasi untuk mencapai pelepasan GHG sifar bersih seawal-awalnya pada tahun 2050, tertakluk kepada penyediaan strategi jangka masa panjang pembangunan rendah karbon Malaysia pada tahun 2022.

4. Bagi mencapai sasaran dan aspirasi tersebut, Malaysia akan melaksanakan perkara-perkara berikut:

- i. melaksanakan dasar harga karbon (*carbon pricing*) secara berfasa untuk menyokong usaha negara untuk mengurangkan pelepasan GHG;
- ii. mencapai kapasiti penjanaan tenaga boleh baharu sebanyak 31% pada tahun 2025 dan 40% pada tahun 2035 bagi grid kebangsaan melalui Pelan Peralihan Tenaga Malaysia 2021-2040;
- iii. aspirasi sasaran perolehan 100% kenderaan Kerajaan yang bukan berasaskan enjin pembakaran dalaman pada tahun 2030;
- iv. mengekalkan sekurang-kurangnya 50% litupan hutan negara seperti yang diumumkan di Persidangan Bumi Rio pada tahun 1992;
- v. melaksanakan kaedah penyelesaian berasaskan alam semula jadi (*nature-based solution*) sebagai asas penyelesaian global bagi mengurangkan kesan jangka panjang seperti penanaman 100 juta batang pokok bermula pada tahun 2021 hingga 2025;
- vi. mencapai sasaran sifar sisa yang dihantar ke tempat pelupusan sampah melalui konsep sisa kepada tenaga dan meningkatkan kadar kitar semula kepada 40% pada tahun 2025;

**NO SOALAN: 52**

- vii. transformasi bandar di Malaysia ke arah pembangunan rendah karbon di bawah Pelan Induk Bandar Rendah Karbon; dan
- viii. meningkatkan ketahanan kepada impak jangka masa panjang perubahan iklim melalui pembangunan Pelan Adaptasi Kebangsaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DR. NUIING JELUING**  
**TARIKH : 20 DISEMBER 2021**

**Dato Dr. Nuing Jeluing** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah pegawai dan anggota RELA di seluruh negara mengikut kaum dan apakah pendekatan Kerajaan agar RELA ini secara seimbang disertai oleh pelbagai kaum di Malaysia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut Akta Pasukan Sukarelawan Malaysia 2012 (Akta 752), anggota RELA adalah merupakan sukarelawan yang berdaftar dengan Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) manakala pegawai RELA adalah merupakan individu yang dilantik sebagai seorang Pegawai RELA di dalam perkhidmatan awam di bawah skim Keselamatan dan Pertahanan Awam (KP).

Sehingga November 2021, jumlah keseluruhan anggota RELA adalah seramai 3,076,752 orang yang mana 2,097,068 (68.158%) orang adalah terdiri daripada kaum Melayu diikuti dengan kaum Cina seramai 382,315 orang (12.43%) dan India seramai 136,319 orang (4.43%). Selain daripada itu, seramai 111,050 orang (3.61%) kaum Iban merupakan anggota RELA yang berdaftar manakala kaum Bumiputera Sabah dengan jumlah anggota seramai 77,484 (2.52%).

Manakala bagi pegawai RELA, sehingga November 2021, jumlah perjawatan skim KP di RELA adalah seramai 504 orang pegawai di seluruh negara. Pada ketika ini, pegawai RELA diwakili kaum Melayu seramai 401 pegawai (79.56%), kaum Cina 1 pegawai (0.2%), kaum India 8 pegawai (1.6%) , Bumiputera Sabah 54 pegawai (11%), Bumiputera Sarawak 39 pegawai (8%) dan Bumiputera (Orang Asli) 1 pegawai (0.2%).

## **NO SOALAN: 53**

Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) sentiasa mengalu-alukan pendaftaran baharu untuk anggota RELA. RELA melaksanakan kerjasama bersama Jabatan / Agensi di bawah KDN dengan berkolaborasi di dalam program anjuran Jabatan / Agensi tersebut dengan membuka kaunter pendaftaran sukarelawan RELA bagi rakyat Malaysia yang berminat.

Kolaborasi ini adalah penting kerana program-program ini dihadiri oleh pelbagai kaum dan lapisan masyarakat di Malaysia. Antara program-program yang terlibat adalah Hari Ulangtahun RELA (HUT) peringkat Kebangsaan dan peringkat Negeri, Hari Antidadah peringkat negeri dan juga Hari Penjara peringkat negeri. Selain daripada itu, pada ketika ini, pendaftaran untuk menjadi sukarelawan RELA boleh dibuat di 157 Pejabat RELA Daerah (PRD) di seluruh negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' KESAVADAS A/L**  
**A.ACHYUTHAN NAIR**  
**TARIKH : 20 DISEMBER 2021**

**Dato' Kesavadas a/l A.Achyuthan Nair** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan faktor serta punca sebenar yang menyebabkan berlakunya kekerapan gangguan sistem aplikasi MySejahtera dan langkah-langkah keselamatan yang telah dipersiapkan bagi menghadapi sebarang kemungkinan penggodaman pada masa hadapan yang boleh merisikokan pengkalan data peribadi.

**JAWAPAN**

**DI JAWAB OLEH YB DATUK DR ABD LATIFF AHMAD  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pembangunan aplikasi MySejahtera bermula secara tanggungjawab sosial korporat atau *Corporate Social Responsibility* (CSR) dan berakhir pada 31 Mac 2020. Pada awal pembangunan aplikasi MySejahtera ini, ciri-ciri keselamatan asas bagi menjamin keselamatan aplikasi telahpun dilaksanakan. Namun terdapat pertambahan modul dan perubahan kepada fungsi sistem (*change request*) yang sangat tinggi yang memerlukan penilaian semula kepada keseluruhan infrastruktur termasuk aliran proses kerja, pangkalan data, *access level*, *authentication* dan fungsi-fungsi keselamatan. Berdasarkan kepada perubahan ini, ciri-ciri keselamatan seharusnya ditambah baik dari semasa ke semasa bagi memastikan keselamatan data dan aplikasi selamat untuk digunakan.
2. Ketika ini, phak Kerajaan sedang memuktamadkan kontrak dengan pihak Pembekal yang telah menyediakan aplikasi ini pada peringkat permulaannya sebagai CSR. Ketiadaan kontrak ini menyukarkan pihak Kerajaan untuk menetapkan pengukuhan ciri keselamatan aplikasi tersebut secara menyeluruh kerana ianya melibatkan kos yang tinggi.

3. Walau bagaimanapun, pemantauan dari semasa ke semasa berkaitan ancaman keselamatan siber dan gangguan kepada capaian MySejahtera telah dipertingkatkan di samping beberapa ciri keselamatan telah pun ditambah baik bagi mempertingkatkan pemantauan trafik dan cubaan daripada penggadam yang membuat capaian secara tidak sah.
4. Selain itu, bagi memastikan sistem berada dalam keadaan tersedia dan boleh dicapai pada bila-bila masa, penyedia perkhidmatan telah menaiktaraf infrastruktur sistem termasuk naiktaraf kapasiti pelayan, storan dan *bandwidth* berdasarkan kepada keperluan semasa.
5. Bagi memperkukuhkan dan menjamin keselamatan fungsi dan data aplikasi MySejahtera ini, *full security review* bagi aplikasi MySejahtera akan dilaksanakan dengan segera dan langkah pengukuhan keselamatan akan dimasukkan sebagai sebahagian daripada keperluan wajib bagi kontrak yang akan dibentuk kelak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATO' HAJI HUSAIN BIN AWANG  
TARIKH : 20 DISEMBER 2021**

**Dato' Haji Husain Bin Awang** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan langkah-langkah oleh Kementerian bagi meningkatkan kadar kitar semula dari Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang dilihat masih rendah di seluruh negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bertanggungjawab melaksanakan pelbagai program dan inisiatif untuk meningkatkan Kadar Kitar Semula Kebangsaan (KKSK). Pada tahun 2021, tahap pencapaian KKSK mencecah 31.5% berbanding 30.67% pada tahun 2020 dan 28.06% pada tahun 2019. Pelbagai inisiatif dan program kitar semula akan terus dipergiatkan ke arah mencapai sasaran KKSK 40% menjelang tahun 2025. KKSK ini adalah penting untuk menyumbang kepada usaha mengurangkan pelupusan sisa di tapak pelupusan. Inisiatif ini selaras dengan Kluster 3, Ekonomi Kitaran di bawah Dasar Kebersihan Negara (DKN) dan Strategi A2, Bab 8, Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) iaitu mempercepat peralihan kepada ekonomi kitaran.
2. KSKK yang dilaporkan telah menunjukkan peningkatan saban tahun hasil daripada pelaksanaan pelbagai program termasuk program Pengasingan Sisa Pepejal di Punca (*Separation at Source, SAS*) dan program kesedaran 3R (*Reduce, Reuse dan Recycle*). Kesemua program ini dilaksanakan secara komprehensif dan berterusan meliputi pelbagai golongan sasaran terutamanya di peringkat komuniti.
3. Antara program yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:
  - i) kempen kesedaran dan promosi faedah 3R (*reduce, reuse, recycle*);

**NO SOALAN: 55**

- ii) program berasaskan pendidikan untuk pelbagai peringkat umur dan komuniti;
  - iii) program libat urus bersama agensi awam dan swasta serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO);
  - iv) sambutan Hari Kitar Semula Kebangsaan secara tahunan; dan
  - v) penguatkuasaan SAS di sektor isi rumah, sektor komersial, industri dan institusi serta sektor pembinaan.
4. Contoh program kesedaran 3R yang telah dijalankan adalah Program Bank Kitar Semula. Bagi tahun 2021 (sehingga Oktober 2021), bilangan Program Bank Kitar Semula yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:
- i) 143 program di prasekolah dan tadika dengan jumlah kutipan sebanyak 13,585.30 kg dengan nilai RM3,002.10;
  - ii) 1,178 program di sekolah rendah dan menengah dengan jumlah kutipan sebanyak 358,495.73 kg dengan nilai RM84,581.80;
  - iii) 116 program di Institut Pengajian Tinggi (IPT) dengan jumlah kutipan sebanyak 48,595.99 kg dengan nilai RM10,494.70;
  - iv) 942 program di pejabat kerajaan dengan jumlah kutipan sebanyak 579,166.80 kg dengan nilai RM123,260.15;
  - v) 5,608 program di komuniti dengan jumlah kutipan sebanyak 1,049,116.63 kg dengan nilai RM260,783.80; dan

**NO SOALAN: 55**

- vi) 3,495 program di industri dengan jumlah kutipan sebanyak 4,942,470.86 kg dengan nilai RM1,094,227.90.
5. Seiring dengan perkembangan pesat teknologi maklumat dan e-dagang, Kementerian juga telah mengambil inisiatif dengan mengadakan aplikasi *Trash to Cash* secara dalam talian dan sistem ganjaran (*reward system*) seperti berikut:
- i) Program 3R on Wheels;
  - ii) Program Recycle for Life; dan
  - iii) Program KITARecycle.
6. Pelbagai program dan inisiatif yang dijalankan oleh KPKT telah berjaya menarik minat masyarakat untuk melibatkan diri dalam aktiviti kitar semula. Penglibatan aktif ini akan meningkatkan kadar kitar semula dan seterusnya menyumbang kepada kelestarian alam sekitar. KPKT akan sentiasa meneliti tren pencapaian KKSK setiap tahun dan terus merancang tindakan dan program yang efektif dalam meningkatkan penglibatan masyarakat secara menyeluruh untuk terus membudayakan aktiviti kitar semula dalam kehidupan seharian.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB PUAN LIM HUI YING**  
**TARIKH : 20 DISEMBER 2021**

**PUAN LIM HUI YING** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan rancangan Kerajaan untuk menambah jumlah katil ICU di hospital-hospital di Pulau Pinang untuk meningkatkan kesiapsiagaan menangani sebarang peningkatan mendadak COVID-19.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Buat masa ini, di negeri Pulau Pinang terdapat 95 buah katil ICU di 4 buah hospital kerajaan yang mana 49 buah katil ( termasuk dua (2) ICU modular hibrid berkapasiti 20 katil ) dikhususkan bagi keperluan pesakit COVID-19 yang kritikal dan memerlukan bantuan mesin pernafasan.
2. Sekiranya terdapat peningkatan kes dalam masa terdekat, *repurpose* dewan bedah utama dan wad pesakit sedia ada akan dilaksanakan. Ini akan memberi penambahan katil ICU kepada 37 buah.
3. Untuk jangka masa panjang, Projek Blok Pakar dan Wad di Hospital Pulau Pinang telah diluluskan pelaksanaannya di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) dimana terdapat tambahan katil ICU sebanyak 48 buah.
4. Selain itu, KKM sedang mengkaji berkaitan perluasan kapasiti ICU di seluruh negara, termasuk di negeri Pulau Pinang. Program ini turut mengambil kira keperluan sumber manusia di mana keperluan ini turut ditingkatkan sejajar dengan perluasan kapasiti ICU bagi memastikan perkhidmatan ICU di tahap optimum dan efisien.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN SR. HAJI MOHD APANDI BIN**  
**MOHAMAD**  
**TARIKH : 20 DISEMBER 2021**

**Tuan Sr. Haji Mohd Apandi Bin Mohamad** Minta **MENTERI  
PENGAJIAN TINGGI** menyatakan langkah Kementerian memantau dan menyemak silibus mata pelajaran di universiti swasta agar ia memenuhi piawaian standard yang ditetapkan Kerajaan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Sesebuah IPTS yang berhasrat mengendalikan kursus pengajian yang baharu perlu mendapat kelulusan pengendalian daripada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan mencapai tahap minimum perakuan Akreditasi Sementara (*Provisional Accreditation (PA)*) daripada MQA terlebih dahulu. Proses permohonan ini adalah penting untuk memastikan kursus pengajian yang ditawarkan adalah berkualiti dan berdaya saing.

Sehubungan dengan itu, KPT telah menetapkan kriteria bagi pengendalian kursus pengajian di mana IPTS perlulah:

1. mempunyai perakuan pendaftaran yang dikeluarkan oleh KPT yang masih aktif.
2. mengendalikan kursus pengajian di premis yang berdaftar dengan KPT.
3. menyediakan kemudahan dan peralatan yang lengkap dan sesuai dengan kursus pengajian yang ditawarkan.
4. mempunyai tenaga pengajar yang berkelayakan dan mempunyai permit mengajar yang sah.
5. memastikan setiap kursus pengajian yang dikendalikan memperoleh akreditasi penuh (*Full Accreditation (FA)*) daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) sebelum mengemukakan permohonan pembaharuan kelulusan kursus pengajian.

## **NO SOALAN: 57**

Bagi kursus pengajian yang melibatkan badan profesional pula, penawaran kursus pengajian hendaklah mengikut kriteria yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Teknikal Bersama (JTB) yang dianggotai oleh Badan Profesional, KPT dan MQA. Kriteria yang ditetapkan adalah bertujuan memastikan standard tertinggi etika profesionalisme dan standard pendidikan tinggi serta amalan bidang kerjaya tersebut dipenuhi bagi menjaga kepentingan masyarakat serta profesion secara adil dan terpelihara.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 58**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB PUAN NURIDAH BINTI MOHD SALEEH  
TARIKH : 20 DISEMBER 2021**

**Puan Nuridah Binti Mohd Saleeh** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah majikan yang dikenakan tindakan berdasarkan laporan salah laku yang dibuat oleh pekerja mereka melalui aplikasi “Working for Workers”.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Aplikasi “Working for Workers” atau WFW merupakan aplikasi digital yang dibangunkan sebagai platform untuk semua pekerja mengemukakan aduan serta permasalahan berhubung masalah-masalah perburuhan. Tindakan segera akan diambil dalam tempoh masa 3 hingga 7 hari selepas aplikasi ini menerima aduan.

Sejak dilancarkan pada 3 Mei 2021 sehingga 30 November 2021, aplikasi ini telah merekodkan sebanyak 11,989 aduan. Dari jumlah tersebut, 95.77% adalah aduan yang dibuat oleh pekerja tempatan dan selebihnya adalah pekerja asing.

Setakat 30 November, Kementerian Sumber Manusia telah mengambil tindakan terhadap 11,392 aduan. Tindakan ini melibatkan aduan berkaitan kelewatan pembayaran gaji, tiada pembayaran gaji, potongan upah tidak mengikut undang-undang, dibuang tanpa notis dan sebagainya. Antara tindakan yang telah diambil ialah dengan memberi notis serta menjalankan siasatan terhadap majikan yang diadu.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2021**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK PAUL IGAI**  
**TARIKH : 20 DISEMBER 2021**

**Datuk Paul Igai** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perkembangan status terkini di atas peristiwa rampasan aset Petronas di Sudan baru-baru ini. Apakah langkah yang akan dibuat melalui cara diplomasi dan undang-undang antarabangsa di bawah Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).

**JAWAPAN**

**DIJAWAB OLEH YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Kerajaan Malaysia konsisten dalam mengamalkan dasar hubungan luar yang neutral dan berteraskan prinsip tidak campur tangan. Dalam isu Sudan, Kerajaan Malaysia mengambil pendekatan berhati-hati dan tidak menyokong mana-mana pihak selaras dengan usaha untuk memelihara kepentingan negara di Sudan, termasuk kepentingan PETRONAS.
2. Kompleks PETRONAS Sudan (yang turut menempatkan Kedutaan Besar Malaysia) masih lagi di bawah kawalan PETRONAS. Memandangkan Kerajaan Peralihan Sudan (terdahulu) tidak memberikan kesempatan kepada PETRONAS untuk membuat representasi bagi penyelesaian secara baik, PETRONAS telah mengambil pendekatan timbang tara antarabangsa menerusi Pusat Antarabangsa Penyelesaian Pertikaian Pelaburan pada September 2021 bagi melindungi kepentingannya.

**NO SOALAN: 59**

3. Proses perundangan antarabangsa yang diambil oleh PETRONAS dijangka mengambil masa yang lama. Pada masa yang sama, Kerajaan Malaysia dan PETRONAS akan terus berusaha untuk menyelesaikan isu Kompleks PETRONAS Sudan ini secara konstruktif menerusi semua saluran diplomatik, terutamanya apabila Kerajaan Peralihan Sudan yang baharu dibentuk.
  
4. Ini selaras dengan usaha mempertahankan kepentingan dan hak mutlak PETRONAS ke atas kompleks tersebut, di samping menjaga imej dan nama baik Malaysia. Penyelesaian isu secara konstruktif adalah penting dalam konteks memelihara hubungan dan kerjasama dua hala yang akrab dan telah terjalin antara Malaysia dan Sudan sejak sekian lama.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 60**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB PUAN NURIDAH BINTI MOHD SALLEH  
TARIKH : 20 DISEMBER 2021**

**Puan Nuridah Binti Mohd Salleh** minta **MENTERI KESIHATAN** bertanyakan tentang statistik kanak-kanak yang mengalami gangguan spektrum autisme (ASD) di negara ini serta sejauh mana kajian dijalankan bagi mengenal pasti faktor utama yang mendorong kepada perkembangan ASD ketika ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melaksanakan saringan masalah tingkah laku meliputi gangguan spektrum autisme (ASD) kepada kanak-kanak seawal usia 18 bulan secara proaktif, menggunakan senarai semak *Modified-Checklist for Autism in Toddlers* (M-CHAT) seperti yang terkandung dalam Buku Rekod Kesihatan Bayi dan Kanak-kanak 0-6 tahun bermula pada tahun 2012. Penilaian semula ASD menggunakan senarai semak M-CHAT dibuat pada umur 2 tahun dan 3 tahun. Kanak-kanak yang gagal saringan ini dan disyaki ASD dirujuk kepada pakar/pegawai perubatan untuk pemeriksaan lanjut, pengesahan dan seterusnya untuk intervensi. Bagi memperkukuhkan bentuk perawatan dan intervensi, *Clinical Practice Guidelines (CPG) : Management of Autism Spectrum Disorder in Children and Adolescent* telah dihasilkan pada tahun 2014 sebagai panduan kepada anggota kesihatan.
2. Pada tahun 2020, seramai 432,240 kanak-kanak berusia 18 bulan telah disaring ASD dan seramai 1,294 (0.3%) kanak-kanak tersebut telah disyaki ASD serta dirujuk ke disiplin yang berkaitan. Sehingga bulan September 2021, seramai 222,699 kanak-kanak berusia 18 bulan telah disaring manakala seramai 740 (0.33%) kanak-kanak tersebut telah disyaki ASD.

## NO SOALAN: 60

3. Mengikut statistik Pendaftaran Orang Kurang Upaya (OKU) yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia, sehingga bulan November 2021, seramai 2,888 kanak-kanak berusia di bawah umur 6 tahun, 17,397 kanak-kanak berusia 6-12 tahun dan 5,501 kanak-kanak berusia 13-18 tahun telah didaftarkan sebagai OKU Kategori Pembelajaran, Sub Kategori Autisme.
4. Dalam menyediakan perkhidmatan kesihatan bagi kanak-kanak dengan ASD, dua prinsip utama ialah mengenal pasti ketidakupayaan seawal mungkin dan menjalankan intervensi awal berdasarkan masalah yang dihadapi. Rawatan yang diberikan oleh pasukan pelbagai disiplin adalah melalui program intervensi awal yang komprehensif dan dilaksanakan khusus untuk memenuhi keperluan kanak-kanak ASD dan keluarga mereka. Ia merangkumi pengesanan faktor risiko dan komorbiditi, saringan awal, pelbagai langkah penyiasatan (*investigations*), kaedah diagnosis menggunakan Diagnostic and Statistical Manual of Mental Disorders, Fifth Edition (DSM-5), rawatan farmakologi (ubat-ubatan), rawatan bukan farmakologi (Perkhidmatan Psikologi, Pemulihan Pertuturan, Pemulihan Carakerja) serta Perkhidmatan Kerja Sosial (pendaftaran dan kemudahan OKU).
5. Setakat ini, hospital KKM tidak ada menjalankan sebarang kajian berkenaan ASD namun terdapat satu kajian mengenai Prevalence of Autism Spectrum Disorder in Malaysia sedang dijalankan di bawah kerjasama Genius Kurnia dan Universiti Kebangsaan Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB TUAN IR. MR. NASIR BIN HASHIM  
TARIKH : 20 DISEMBER 2021**

**Tuan Ir. Md. Nasir bin Hashim** minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan keberkesanan kolam tadahan air mengikut MSMA dalam mengatasi banjir.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Dalam usaha menangani kejadian banjir khususnya di kawasan bandar, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah menyediakan Manual Saliran Mesra Alam (MSMA) untuk diguna pakai secara menyeluruh bagi mengurangkan impak pertambahan jumlah air larian akibat daripada perubahan guna tanah. Pemajuan tanah telah meningkatkan keluasan permukaan tanah yang tidak telap air, lalu menyebabkan penyusupan air ke tanah (*infiltration*) terhalang akibat daripada permukaan tanah telah diturap untuk jalan ataupun dibina bangunan, seterusnya menyebabkan peningkatan jumlah air larian permukaan (*surface runoff*).

2. Manual Saliran Mesra Alam (MSMA) JPS telah memberi garis panduan untuk rekabentuk saliran bagi mengawal kuantiti dan merawat kualiti air larian ini. Fasiliti yang paling efektif untuk mengawal peningkatan kadar alir yang banyak dalam tempoh masa yang singkat adalah kolam takungan yang berfungsi untuk menakung sementara air di dalam kolam dan dilepaskan secara terkawal ke luar ke saliran utama / sungai melalui *outlet* keluar yang direkabentuk untuk mengawal jumlah aliran air.

3. Kolam Takungan Banjir merupakan antara Amalan Terbaik (*Best Management Practice*) yang banyak dilaksanakan di negara maju bagi mengurangkan risiko banjir. Kolam takungan banjir yang dibina ini bukan sahaja dapat mengurangkan aliran puncak banjir akibat dari pembangunan, malah turut dapat mengurangkan masalah pencemaran. Keberkesanan kolam takungan tertakluk kepada rekabentuk kolam dan penyelenggaraan secara berkala. Parameter kriteria rekabentuk kolam takungan banjir boleh dirujuk dalam Manual Saliran Mesra Alam [*Chapter 1* dan *Chapter 7* dalam *MSMA 2<sup>nd</sup> Edition*; dan *Part 1* dan *Part 7* dalam *Malaysian Standard: Urban Stormwater Management (MS 2526:2014)*].

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN HAJI AZIZ BIN ARIFFIN**  
**TARIKH : 20 DISEMBER 2021**

**Tuan Haji Aziz Bin Ariffin** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah perancangan pihak Kementerian dalam memastikan keselamatan sempadan negara terus terjamin dan terurus serta adakah terdapat teknologi baharu yang bakal diguna pakai oleh agensi yang terlibat dalam memantau situasi sempadan dengan lebih efisien.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Dalam Negeri sentiasa komited bagi memastikan keselamatan dan kedaulatan sempadan negara sentiasa terpelihara. Kaedah menjaga keselamatan sempadan negara perlu memanfaatkan penggunaan teknologi terkini secara berintegrasi bagi memastikan kawalan keselamatan sempadan dapat dibuat dengan lebih berkesan mengambil kira bentuk muka bumi negara yang luas dan berliang-liang.

Dalam hal ini, agensi-agensi penguatkuasaan di bawah KDN telah menggunakan teknologi baharu dalam memastikan keselamatan sempadan terjamin. Antara teknologi yang digunakan adalah:

- i. Sistem Pengawasan Laut (SWASLA);
- ii. *Unmanned Aerial Vehicle Dron jenis Vertical Take-Off and Landing (VTOL)*;
- iii. *Thermal Imager*;
- iv. *GPS Tracker*; dan
- v. *Night Vision Google (NVG)*.

**NO SOALAN: 62**

Kementerian juga sedang merancang memperolehi sistem kawalan sempadan yang bersepadu dengan menggunakan teknologi terkini secara berintegrasi antara agensi penguatkuasaan di seluruh negara bagi memantapkan kawalan sempadan negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' KESAVADAS A/L**  
**A.ACHYUTHAN NAIR**  
**TARIKH : 20 DISEMBER 2021**

**Dato' Kesavadas a/l A.Achyuthan Nair** minta **MENTERI KESIHATAN** jelaskan dapatan daripada kajian klinikal yang telah dijalankan bagi tujuan vaksinasi golongan remaja bawah umur 12 tahun dan jaminan terhadap keberkesanan dan keselamatan vaksin Sinovac yang akan digunakan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Terdapat pelbagai kajian sedang dan telah dijalankan oleh pengeluar vaksin bagi golongan kanak-kanak berumur 12 tahun ke bawah namun hasil dapatan kajian klinikal yang tersedia adalah oleh Pfizer BioNTech di mana kajian klinikal dijalankan kalangan kanak-kanak berumur 5-11 tahun dengan menggunakan dos 10 mikrogram) dengan sela masa 3 minggu. Hasil dapatan kajian adalah seperti berikut :
  - i. Vaksin didapati 90.7% berkesan dalam mencegah COVID-19 dikalangan kanak-kanak berumur 5 hingga 11 tahun. Selain itu, tindak balas imun kanak-kanak berumur 5 hingga 11 tahun yang menggunakan dos 10 mikrogram adalah setanding dengan individu berumur 16 hingga 25 tahun yang menggunakan dos 30 mikrogram; dan
  - ii. Kajian tersebut melibatkan kira-kira 3,100 kanak-kanak berumur 5 hingga 11 tahun dan tiada kesan sampingan yang serius telah dikesan dalam kajian tersebut sehingga kini.

Tuan Yang di-Pertua,

2. **Pengeluar Vaksin iaitu Sinovac juga sedang menjalankan kajian klinikal bagi kanak-kanak bawah 12 tahun dan Malaysia telah terpilih sebagai salah satu lokasi kajian. Kajian klinikal fasa III vaksin *CoronaVac* bagi kanak-kanak berumur 3 tahun-11 tahun dan diterajui oleh penyelidik utama iaitu Pakar Perunding Pediatrik daripada Hospital Sibu, KKM. Kajian *SINOVAC PRO-nCOV-3002* ini merupakan kajian klinikal fasa III dan reka bentuk kajian adalah *Placebo-Controlled, Double-Blinded and Randomised Clinical Trial*. Kajian ini juga dilaksanakan di peringkat global dan melibatkan empat buah negara iaitu Malaysia, Chile, Filipina dan Afrika Selatan.**
3. Kajian ini telah diluluskan oleh Jawatankuasa Etika Penyelidikan Perubatan (MREC), KKM dan Jawatankuasa Etika Perubatan, Pusat Perubatan Universiti Malaya. Secara keseluruhannya kajian ini melibatkan 9 lokasi kajian yang terdiri daripada 8 fasiliti kesihatan di bawah KKM dan 1 fasiliti kesihatan di Pusat Perubatan Pusat Perubatan Universiti Malaya. Kajian ini telah dimulakan sejak seawal 4 November 2021 dengan melibatkan seramai 2000 kanak-kanak di Malaysia. Sehingga 20 Disember 2021, seramai 836 kanak-kanak telah berjaya direkrut bagi menyertainya.
4. Sementara itu, pasukan kajian masih menunggu kelulusan daripada Jawatankuasa Etika Penyelidikan, UITM sebelum kajian tersebut boleh dijalankan di fasiliti berkenaan.

5. Oleh yang demikian, memandangkan kajian klinikal **CoronaVac** masih berjalan oleh pengeluar vaksin **SinoVac** maka data bagi keberkesanan dan keselamatan vaksin **Sinovac** yang akan digunakan bagi golongan kanak-kanak tersebut masih belum tersedia.
  
6. Pada masa yang sama **Kementerian Kesihatan Malaysia** sentiasa memantau perkembangan semasa keberkesanan serta keselamatan penggunaan vaksin **COVID-19** bagi kanak-kanak berumur **12 ke bawah** menerusi bukti- bukti saintifik sama ada daripada hasil dapatan kajian klinikal mahupun *Real World Data*.

Sekian, terima kasih.